


Jilid I
Bil. 7



Hari Rabu
15hb Januari, 1975

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Titah Jawapan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 561]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 562]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 [Ruangan 585]

MALAYSIA

PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Rabu, 15hb Januari, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL SAMAD BIN OSMAN (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Sarawak).

- „ TUAN KAM WOON WAH (Dilantik).
 „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
 „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P. (Perak).
 „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).
 „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
 „ DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).
 „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB (Kelantan).
 „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
 „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., P.J.K., S.M.P., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
 „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
 „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
 „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
 „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
 „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
 „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
 „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
 „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
 „ PUAN HAJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
 „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
 „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
 „ DATUK SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
 „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
 „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
 „ DATUK WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).
 „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
 „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR :

- Yang Berhormat TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
 „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
 „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MAT ISA (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN CHAN SIANG SUN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha: Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PEMASYHURAN YANG
DI-PERTUATITAH JAWAPAN D.Y.M.M. SERI
PADUKA BAGINDA YANG DI-
PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara, saya telah menerima satu Perutusan daripada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang akan saya bacakan sekarang.

“QUALUHUL HAK

Warkah Al-Ikhlash Wal-Muhibbah iaitu daripada Beta Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badli Shah, Yang di-Pertuan Agong Malaysia.

Mudah-mudahan barang diwasalkan oleh Tuhan Rabbul-alamina ke Majlis Yang Berhormat Tan Sri Haji Omar Yoke-Lin Ong, P.M.N., S.P.M.S., Yang di-Pertua, Dewan Negara Malaysia yang ada beristirahat al-khair pada masa ini di Bandaraya Kuala Lumpur, dengan beberapa selamat dan kesejahteraan.

Adapun kemudian daripada itu Beta memaklumkan bahawa surat Tan Sri bertarikh 9hb Januari, 1975 kerana menyembahkan ketetapan Ucapan Terima Kasih Majlis Dewan Negara Malaysia, kerana Titah Ucapan Beta pada persidangan Parlimen yang lalu, telah Beta terima dengan selamatnya. Beta meminta kelapangan Tan Sri apakah kiranya Tan Sri menyampaikan terima kasih Beta kepada Ahli-ahli Majlis Dewan Negara Malaysia kerana membuat ketetapan tersebut, dan jua di atas perasaan yang tulus ikhlas yang telah ditunjukkan kepada Beta itu akan dikandungkan di dalam ingatan Beta selama-lamanya.

Sekian sahaja Beta maklumkan serta diiringi dengan salam jua adanya.

Tandatangan:

TUANKU ABDUL HALIM MUADZAM SHAH
Termaktub pada 13hb Januari, 1975.”

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAANHARGA BARANG-BARANG—
MENURUNKAN

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan samada Kerajaan ada apa-apa rancangan untuk menurunkan harga segala barang-barang memandangkan keadaan harga yang melambung tinggi sekarang walhal barang-barang tersebut boleh didapati dengan banyaknya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat ini umum dan luas untuk saya memberi penjelasan yang tepat. Walau bagaimanapun, secara amnya sukalah saya menyatakan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mengawasi dan mencuba sedaya-upaya untuk menstabilkan harga barang-barang, terutama sekali harga barang-barang keperluan. Bagi mencapai maksud tersebut beberapa langkah-langkah positif telah diambil oleh Kerajaan seperti mengawal eksport dengan tujuan menentukan keperluan di dalam negeri, mengecualikan dari duti-duti impot dan eksais ke atas beberapa barang-barang, umpamanya, pengecualian surtax sebanyak 2% ke atas skimmed milk powder, butter fat dan biji gandum (wheat grain). Pemansuhan duti eksais sebanyak 1 sen sepaun yang dikenakan ke atas susu pekat, memansuhkan surtax dan duti impot ke atas gula pada 26hb Disember, 1974. Pengurangan duti impot ke atas simen daripada \$12 setan ke \$2 setan dan membayar subsidi-subsidi kepada barang-barang yang dianggap perlu untuk mengurangkan ataupun mengawasi supaya barang-barang yang berkenaan itu tidak melambung-lambung tinggi naik harganya. Kerajaan akan mengambil apa sahaja langkah yang sesuai untuk menjamin rakyat supaya mendapat bekalan barang-barang yang cukup dengan harga yang berpatutan. Tumpuan sentiasa diberi bagi menentukan bekalan adalah mencukupi di dalam negeri supaya harga tidak akan melambung naik akibat permintaan yang berlebihan.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Kalau saya tidak silap dengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri

tadi, barang-barang makanan yang mustahak dikawal terutama sekali untuk diekspot ke luar negeri, dan juga impot ke atas gula itu tidak dikutip cukai. Tetapi adakah Yang Berhormat Menteri tahu iaitu gula yang kita tak pungut cukai masuk ke dalam negeri ini di re-export pula ke luar negeri. Adakah Yang Berhormat Menteri tahu di atas perkara ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu kita ada larangan di atas mengekspot ataupun membawa keluar gula-gula yang diimpot ke dalam negeri ini, termasuk gula-gula yang dibawa daripada negeri lain, umpamanya, Thailand dibawa masuk di Pulau Pinang diletakkan di situ buat sementara waktu dan diekspotkan, ada larangan-larangan yang ketat dikenakan supaya gula-gula yang dibawa masuk daripada negeri luar ke dalam negeri ini tidak diekspot. Tetapi dalam pada itu, ada satu dua kes di mana ada bukti menunjukkan bahawa perjanjian telah dibuat oleh pihak yang tertentu sebelum keluar peraturan melarang pengeksportan gula keluar dan oleh kerana itu pihak-pihak yang tertentu itu telah dibenarkan, bukan sahaja oleh Kementerian saya, bahkan Jawatankuasa Kabinet yang telah menimbangkan perkara ini dan berpendapat bahawa oleh kerana perjanjian itu telah dibuat dengan perdagangan luar negeri sebelum keluar perintah melarang pengeksportan gula ini, gula itu dibenarkan diekspot.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menurunkan harga beras oleh kerana harga beras antarabangsa telah pun turun sekarang.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, samada boleh diturunkan lagi harga beras ini adalah terpulang kepada harga yang kita beli daripada luar negeri itu. Saya rasa perkara ini adalah di dalam jagaan Lembaga Padi dan Beras Negara, dan saya percaya kedudukan harga beras pada masa ini adalah di dalam perhatian pejabat yang berkenaan ini, dan dengan adanya pengeluaran beras yang lebih banyak di negeri yang mengeluarkan beras pada masa ini, saya percaya perkara harga beras ini adalah di dalam perhatian pejabat yang berkenaan itu.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang memang kita telah maklum bahawa harga beras telah jatuh sedikit di pasaran antara-bangsa dan kita juga mengetahui sekarang dalam negara kita lesen-lesen impot beras tidak dikeluarkan. Saya hendak dapat tahu adakah Kerajaan bercadang mengeluarkan lesen-lesen impot beras ini supaya dapat di-impot beras yang murah di pasaran antara-bangsa ke dalam negeri kita dan dengan jalan itu mungkin akan menurunkan harga dalam pasaran dalam negara kita.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana saya katakan tadi Kementerian saya tidak bertanggungjawab secara langsung dalam perkara mengeluarkan lesen impot beras, ini adalah dalam tanggungjawab L.P.N., sebuah Badan Berkanun yang bertanggungjawab dalam perkara ini. Saya tahu memang ada pertanyaan yang dibuat sekarang ini samada perlu diadakan kawalan dari segi mengeluarkan A.P. (Approved Permit) untuk mengimpot beras, dan saya percaya perkara ini adalah juga di dalam timbangan pejabat yang berkenaan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana kenaikan setengah daripada harga barang-barang ini bukanlah sahaja kerana kenaikan di dalam kos pengeluaran, apakah usaha yang dibuat oleh Kementerian untuk mencegah supaya dalam sistem pengedaran itu sendiri tidak ada penyelewengan ataupun exploitasi yang boleh menokok-tambah kepada harga yang telah sedia tinggi?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyedari bahawa perkara pengedaran ini adalah perkara yang boleh melibatkan kenaikan harga barang-barang, oleh kerana itu Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya telah bertanggungjawab dalam perkara ini, dan juga mengawasi bahawa pengedaran (distribution) barang-barang ini adalah dibuat dengan sebaik-baiknya supaya masalah supply and demand tidak menjadi masalah di tempat-tempat yang berkenaan yang boleh menaikkan harga barang-barang yang berkenaan ini.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas kawalan

yang ketat terhadap re-export gula. Sekiranya didapati ada pegawai-pegawai yang berani mengeluarkan lesen re-export ataupun surat kebenaran re-export gula ini yang mana kekurangan di dalam negeri kita ini dan Kerajaan tidak mengutip cukainya untuk dibawa masuk ke dalam negeri, selain daripada Yang Berhormat Menteri mengatakan dua syarikat yang Kerajaan telah berjanji itu, apa tindakan Kerajaan terhadap mereka? Oleh kerana ada sebuah syarikat namanya Tai Tong daripada Sungai Petani dapat lesen, saya tahu kerana pada pagi ini ada orang datang berjumpa dengan saya mengatakan Tai Tong daripada Sungai Petani dapat lesen, saya harap Yang Berhormat Menteri menyoal perkara ini, jikalau betul, saya harap diambil tindakan yang sewajarnya.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang memberi laporan kepada saya. Sebenarnya inilah pertama kali saya mendengar adanya perkara yang seperti ini, dan saya berterima kasih jikalau dapat diberi laporan yang lebih panjang kepada saya. Jikalau sekiranya ada sebagaimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat pegawai yang menyeleweng daripada dasar dan peraturan yang kita adakan bagi melarang pengekspotan gula dengan tidak ada kebenaran, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai-pegawai yang berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi telah mengatakan bahawa Kerajaan telah membuat amalan pembayaran subsidi yang banyak kepada barang-barang keperluan supaya mengurangkan kesusahan rakyat, khasnya yang berpendapatan rendah. Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, apakah Kerajaan akan meneruskan subsidi ini sekiranya pada suatu ketika barang-barang ini akan menjunam turun dengan harga yang normal subsidi ini akan dihentikan?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan di sini bahawa tidaklah menjadi dasar bagi Kerajaan membayar subsidi berpanjangan. Subsidi dibayar kalau keadaan pasaran telah menunjukkan kenyataan

demand adalah kurang daripada supply dengan kerana itu barang naik harga ataupun barang yang kita impot daripada luar negeri itu adalah sangat-sangat melambung tinggi naik dan menyebabkan orang-orang yang memerlukan barang-barang ini tidak dapat membeli barang-barang dengan harga yang begitu tinggi naik. Jadi dengan kerana itu Kerajaan membayar subsidi. Kalau sekiranya keadaan harga barang-barang itu sudah turun dan dianggap bahawa harga tambahan kalau ada tambahan harga boleh ditanggung bebanan itu oleh pihak-pihak yang berkenaan terutama orang yang membeli, maka tidaklah Kerajaan akan meneruskan pembayaran subsidi dan sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum ada barang-barang dalam mana Kerajaan sudah tidak lagi membayar subsidi. Dahulu kita membayar subsidi kepada gula, sekarang sudah tidak membayar lagi, dan saya percaya beras pun dahulu ada kita membayar subsidi, dengan kerana beras sudah turun harga, saya percaya subsidi yang dibayar untuk menolong orang ramai dari segi menahan kenaikan harga beras ini sudah, rasa saya, tidak dibayar oleh Kerajaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan lagi. Yang Berhormat Menteri telah menyatakan beberapa kesulitan yang dialami oleh Kementerian ini berhubung dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Adakah Kementerian ini sedia menerima sekiranya Lembaga Padi dan Beras Negara itu diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, tidak sebagaimana keadaan sekarang di bawah Jabatan Perdana Menteri?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, rasa saya tidak ada saya menyebutkan apa-apa kesulitan berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Mungkin Ahli Yang Berhormat silap dengar sedikit. Yang saya tahu tadi tidak ada saya sebutkan ada kesulitan apa-apa berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Tetapi dalam pada itu suka saya menjawab samada Lembaga Padi dan Beras Negara patut diletakkan di bawah Kementerian saya ataupun di bawah Jabatan Perdana Menteri, adalah satu perkara yang diputuskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Saya percaya lebih baik kalau Lembaga Padi dan Beras Negara ini berasingan, kerana sebagaimana Ahli Yang

Berhormat maklum, Kementerian saya mempunyai banyak tugas. Kalau sekiranya dibebankan lagi dengan satu tugas yang agak penting, beras adalah satu barang keperluan negara dilonggokkan pula lagi tugas ini semula kepada Kementerian ini sudah tentu tidak dapat melicinkan perjalanan Kerajaan dalam perkara mengurus masalah-masalah beras. Inilah saya saya sebabnya dalam mana Kerajaan telah mengambil keputusan menarik perkara berkaitan dengan beras ini daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dahulunya bertanggungjawab dalam perkara ini, dan menubuhkan satu badan khusus yang menjalankan kerja berkenaan dengan beras, dan saya percaya sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum badan ini telah menjalankan tanggungjawabnya dengan begitu memuaskan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bersabit dengan jawapannya baru sebentar tadi berkenaan dengan Kerajaan tidak lagi memberikan subsidi terhadap harga gula, samada harga gula ini telah turun harganya di pasaran dunia dan di negeri kita ini atau tidak, tidaklah saya tahu, tetapi kalau Yang Berhormat dapat menjelaskan bahawa harga gula itu di pasaran dunia telah turun oleh kerana itu Kerajaan tidak perlu lagi mengadakan subsidi, Tetapi mengapa harga gula runcit di negeri kita ini masih tidak turun dan kenapa pembuat-pembuat minuman di dalam botol menaikkan harga-harga penjualannya, dan tidakkah dapat oleh kerana harga gula itu telah turun sedikit di pasaran dunia ini kita tidak perlu mengadakan subsidi dan harga-harga minuman yang diadakan ini dapat dikontrol dan diturunkan juga.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, subsidi gula itu ditarik oleh kerana kita telah menarik cukai-cukai impot gula yang selama ini kita kenakan kepada gula. Jadi, oleh kerana penarikan duti impot terhadap gula ini, Kerajaan berpendapat bahawa masanya telah sampai bagi kita pula menarik keluar pembayaran subsidi kepada gula. Tentang soalan yang kedua mengenai harga minuman naik, ini sukalah saya menyatakan di sini bahawa selepas perjumpaan antara saya dengan wakil-wakil Persatuan Kedai Kopi baru-baru

ini, saya telah meminta laporan yang panjang daripada pihak-pihak pengeluar minuman dan mereka telah memberi kepada saya laporan-laporan yang menunjukkan kenapa harga minuman ini dinaikkan daripada harga yang lepas. Jadi, kami berpendapat bahawa oleh kerana kenaikan harga gula dan barang-barang lain seperti botol dan sebagainya, maka kenaikan harga minuman ini adalah menasabah. Dan juga suka saya menyatakan di sini pihak-pihak yang berkenaan yang telah berjumpa dengan saya telah menyatakan bahawa dengan kenaikan harga ini mereka akan menderita kerugian, kami telah meminta laporan yang penuh, bukan sahaja daripada pihak pengeluar ataupun penjual minuman-minuman ini, bahkan daripada pihak yang berkenaan yang menyatakan bahawa mereka menderita kerugian, kami mendapati bahawa pada masa yang lepas mereka mendapat keuntungan sebanyak 100%. Dengan kenaikan harga 3 sen sebotol mereka masih lagi mendapat keuntungan sebanyak 80%. Jadi kami berpendapat bahawa kenaikan seperti ini tidaklah menyakitkan sesiapa lebih-lebih lagi kepada pihak-pihak yang kami dapati masih lagi mendapat keuntungan yang saya katakan sebanyak 80% itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau jelas oleh Kementerian bahawa keuntungan memang didapati oleh pembuat-pembuat minuman di dalam botol ini iaitu 80%, kenapa Kerajaan

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, peniaga-peniaga kedai kopi gaduh mengatakan dia rugi

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Kalau sekiranya mereka mendapat keuntungan masih tetap 80%, maka tidak ada sebab Kerajaan mesti bersetuju menaikkan harga.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Barangkali Yang Berhormat kurang faham dengan penjelasan saya tadi. Yang membuat aduan dan gaduh di atas kenaikan harga ini ialah orang-orang yang menjual iaitu penjual-penjual di kedai-kedai kopi, bukan pengeluar yang membuat minuman itu. Tetapi peniaga-peniaga kedai kopi yang menjual minuman ini yang gaduh mengatakan dengan kerana kenaikan harga

ini oleh Fraser & Neave dan pihak-pihak pengeluar dia menderita kerugian. Jadi, apabila kita kaji dengan mendalamnya minuman yang dijual ini, maka keuntungan yang kita dapati dengan adanya kenaikan harga minuman ini mereka masih lagi mengecapi faedah keuntungan sebanyak 80%. Dahulu 100%, tetapi sekarang 80%. Jadi, bagi pihak pengedar atau pengeluar pula kami telah mendapat lapuran yang penuh di atas perbelanjaan pengeluaran (production cost) dan kami berpendapat sekiranya tidak dinaikkan harga ini sebagaimana yang diminta sudah tentulah mereka akan menderita kerugian yang besar sehingga ada yang saya tahu Pepsi Cola juga telah menutup kilangnya oleh kerana menderita kerugian besar sebelum dinaikkan harga minuman ini. Jadi, kalau tidak kita naikkan juga harga ini, kilang-kilang lain seperti Fraser & Neave mungkin akan menghadapi nasib yang sama.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kenaikan harga barang-barang ini terus daripada beberapa tahun yang lepas dan sedang naik hingga sekarang. Saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri barang-barang seperti sabun Fab, Breeze, Nestle's Products dan segala barang, apabila kompeni-kompeni itu menaikkan harganya, adakah dengan diketahui dan mendapat kebenaran Kementerian yang berkenaan atau kompeni-kompeni itu sendiri menaikkan dengan tidak diketahui oleh Kementerian.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, kebenaran ataupun kelulusan Kementerian ataupun Kerajaan sebelum harga satu-satu barang itu naik hanyalah perlu terhadap barang-barang yang diistilahkan sebagai barang-barang kawalan, yang lain tidak perlu. Tetapi dalam pada itu ada understanding di antara kita dengan pihak-pihak pengeluar iaitu walaupun barang-barang itu tidak diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan, mereka eloklah berhubung dahulu dengan Kementerian memaklumkan kepada Kementerian di atas

sebab-sebab dalam mana mereka hendak menaikkan harga barang-barang yang berkenaan itu.

LOMBONG BIJIH TIMAH

2. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (i) bilangan lombong bijih timah yang dipunyai oleh orang-orang asing di Malaysia; dan
- (ii) bilakah lombong-lombong bijih timah ini akan dihakmilik-negarakan.

Timbalan Menteri Tanah dan Galian (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua,

- (i) Bilangan lombong bijih timah yang dipunyai oleh orang-orang asing di Malaysia ialah 101 buah ini termasuk:

Kapal korek	53
Pam kelikir	44
Cara terbuka	2
Kolong	1
Lain-lain	1
			Jumlah	101

- (ii) Setakat ini Kerajaan belum ada rancangan untuk memilik-negarakan perusahaan perlombongan di Malaysia.

Tan Sri S. O. K. Ubaidulla: Soalan tambahan. Dapatkah Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa lesen lombong pada masa sekarang tiada diberi kepada orang-orang atau kompeni-kompeni asing? Jika masih diberi kepada kompeni-kompeni asing, adakah saham-saham kepunyaan orang asing di kompeni-kompeni itu dihadkan?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jaminan bahawa kompeni-kompeni asing tidak akan diberi lesen kerana itu adalah merupakan kuasa Kerajaan Negeri. Selain dari itu tentang soalan yang kedua Ahli Yang Berhormat tadi, suka saya menyatakan bahawa Kementerian Tanah dan Galian ada mengadakan satu Jawatankuasa Penyelaras Penyertaan Bumiputra dalam perusahaan perlombongan, kayu-kayan dan konterek-konterek di bawah Kementerian Tanah dan

Galian. Setakat ini perkara tersebut masih diasas dan satu laporan akan dikemukakan kepada pihak Kerajaan.

Puan Rafidah Aziz: Soalan tambahan. Adakah usaha-usaha Kerajaan untuk mengadakan perundangan ataupun peraturan-peraturan supaya membolehkan syarikat-syarikat perlombongan ini menjualkan sebahagian daripada sahamnya secara berkesan kepada orang-orang tempatan khususnya orang bumiputra?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Perkara ini merupakan satu perkara yang akan dibincangkan dalam Jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ini adalah satu perdagangan dan perusahaan dan perkara ini adalah mempunyai peranan penting dalam ekonomi negara, maka adakah Kerajaan bertujuan, oleh kerana di dalam syarikat-syarikat terutama sekali kilang-kilang sekurang-kurangnya 51% akan dipunyai oleh rakyat tempatan, maka adakah tujuan Kerajaan pada masa akan datang menentukan siapa sahaja hendak melombong di dalam negara kita ini sekurang-kurangnya mesti dipunyai 51% saham kepada orang tempatan. Adakah Kerajaan bertujuan seperti itu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu subject yang akan dikajikan oleh Jawatankuasa Penyelidikan yang sama subject tadi dan perkara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu akan diberi pertimbangan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Memandangkan bahawa perusahaan lombong ini satu perusahaan yang besar di negara kita ini dan tentulah masih banyak lagi tanah yang mengandungi bijih. Adakah Kementerian ini telah memberikan tugasnya kepada Jawatankuasa yang disebutkan tadi untuk menyiasat jumlah kawasan yang masih belum dibuka pada tiap-tiap buah Negeri mengenai kawasan lombong itu dan kemudian dibuat satu cara untuk mengawalnya supaya tidak terlepas ke tangan orang-orang yang tidak kita kehendaki?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat yang saya tahu di Jabatan Galian ada satu yunit untuk menjalankan

reconnaissance survey supaya dapat di-identify mana-mana area yang mempunyai bijih dan juga Jabatan ini memberi pertolongan kepada orang bumiputra. Mengenai soalan Ahli Yang Berhormat, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat, tetapi saya akan mengambil perhatian atas teguran dan syor yang dikemukakan itu kepada Jawatankuasa berkenaan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan tadi telah menyatakan jumlah banyaknya lombong yang ada di Malaysia ini. Saya ingin tahu adakah Kementerian ini sedar bahawa ada syndicate yang diusahakan oleh penguasa lombong itu setelah lombong bijih timah itu habis dikorek, mereka membuat perusahaan lain iaitu mendirikan rumah-rumah haram di tempat itu dan disewakan kepada orang-ramai dengan alasan bahawa mereka berhak atas tanah itu. Adakah Kementerian sedar dan apakah langkah yang telah diambil terhadap mereka itu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar atas perkara itu, tetapi kuasa memberi kebenaran kepada perlombongan-pelombong itu adalah kuasa Kerajaan Negeri.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri yang bertanggungjawab telah menyatakan iaitu Kerajaan kita tidak akan menghakmilik-negarakan lombong-lombong yang ada dalam negara kita ini oleh kerana satu daripada sebabnya kita tak mahu kapitalis asing yang masuk ke negara ini takut lombong-lombong dan kilangnya akan dimiliki-negarakan. Adakah oleh kerana tidak mahu dimiliki-negara kan kerana didapati oleh Kerajaan jika dimiliki-negarakan benda-benda itu akan merugikan Kerajaan kerana output ataupun hasil perolehannya tidak meningkat daripada keadaan hari ini akan merugikan kepada Kerajaan?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sebelum satu-satu projek itu dihakmilik-negarakan adalah sangat perlu bagi kita mengkaji dengan cara mendalam implikasi tindakan itu kerana mungkin akan timbul implikasi yang tidak diingini.

Tuan Abdul Samad bin Osman: Oleh sebab perusahaan bijih ini boleh dikatakan satu daripada perusahaan negara yang besar dan daripada itu kita dapat tahu bahawa banyak lombong-lombong dimiliki oleh orang-orang asing, jadi saya fikir tidakkah elok kalau sekiranya Kerajaan memikirkan bahawa perkara ini patut Kerajaan mengerjakan perusahaan ini sendiri, mengambil lombong-lombong asing itu, dibayar semua compensation dan buat satu corporation mengenainya di samping membenarkan rakyat Malaysia yang lain mengambil lesen masing-masing, tetapi lombong kepunyaan syarikat asing itu diwarganegarkan (nationalise) separuh buat sendiri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, syor Ahli Yang Berhormat itu adalah sebenarnya untuk memilik-negarkan lombong-lombong. Jadi jawapan kepada perkara itu sudah pun saya beri tadi.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapa peratuskah daripada modal-modal saham syarikat lombong asing yang dibenarkan ataupun authorised capital yang telah menjadi paid-up capital dan berapa peratus pula bakinya yang boleh diharapkan oleh orang tempatan ataupun orang bumiputra memilikinya kemudian kelak?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, soalan daripada economist ini, ada susah sedikit menjawabnya. Oleh sebab jawapan bagi soalan ini menghendaki exact figures, jadi saya rasa, saya berkehendakkan notis terlebih dahulu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri berkenaan ada menyebutkan tadi ada beberapa hal berkenaan kuasa Kerajaan Negeri tentang pemberian tanah lombong dan juga pengambilan semula tanah lombong itu. Adakah Kementerian ini berfikir supaya Kementerian ini atau Kerajaan Pusat dapat mengadakan satu penyelesaian dengan Kerajaan Negeri supaya tanah-tanah lombong yang telah diolah ataupun yang telah diselesaikan itu tidak lagi diberikan atau ditambah masanya kepada pelombong-pelombong lain, tetapi diserahkan kepada satu badan lain atau kepada Kerajaan Pusat supaya Kerajaan Pusat dapat memiliki tanah itu untuk dijadikan projek yang lain yang di bawah arahan Kerajaan

Pusat supaya tanah itu tidak akan menjadi sia-sia ataupun dikuasai oleh orang-orang yang akan merugikan negara kita sendiri.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat akan kita ambil perhatian dan kita akan berunding dengan Kerajaan Negeri mengenai cadangan tersebut.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Oleh kerana ada Kementerian Tanah dan Galian, dengan sebab itu banyak lombong-lombong itu telah diberikan kepada orang-orang asing dengan secara lease, banyak yang telah expired yakni habis tempohnya katalah 20 tahun atau selepas kita merdeka, habis tempohnya tetapi telah diberi 25 tahun, diberi lagi sehingga 50 tahun. Tidakkah boleh Kementerian ini memikirkan dasar ini ialah satu kerugian kepada negara, dan hendaklah diberi kepada orang tempatan, orang dalam negeri ini sendiri daripada diberikan kepada orang luar. Jadi jangan dipanjangkan lesen mereka lagi. Bolehkah dibuat begitu pada masa yang akan datang oleh kerana sungguhpun tanah itu kuasanya dipunyai oleh satu-satu State, tetapi tentulah Kementerian Tanah dan Galian ada juga berkuasa sedikit sebanyak, dengan sebab itu bolehkah dibuat dasar yang lebih baik pada masa hadapan?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sesuatu permohonan untuk memanjangkan lease satu-satu lombong itu terpaksa dikaji terlebih dahulu oleh pihak-pihak yang berkenaan. Syor Ahli Yang Berhormat itu akan diambil perhatian.

Dr Lim Keng Yaik: Soalan tambahan. Kalau Kerajaan tidak ada dasar untuk dihakmilik-negarkan lombong-lombong bijih timah yang dipunyai oleh orang-orang asing di Malaysia, saya suka meminta Menteri yang berkenaan menyatakan samada Kerajaan ada dasar untuk menarik balik tanah yang dipunyai oleh syarikat-syarikat itu, khasnya tanah yang dipunyai masa lama tetapi tidak diusahakan dan mengeluarkan tanah itu untuk syarikat-syarikat tempatan, khasnya syarikat yang dipunyai oleh semua bangsa di negara kita.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat memberi jawapan yang tepat samada Kerajaan ada mempunyai

dasar tentang perkara ini, tetapi syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada juga kebajikannya. Saya akan mengambil perhatian tentang perkara ini.

Datuk Haji Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Saya hendak bertanya kepada Menteri yang berkenaan saya dengar ini kali yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi jawapan iaitu angka-angka tidak akan dapat diberi dengan tepat kerana yang menyoal itu ialah economist. Kelmarin jawapan kepada Puan Rafidah pun kerana economist tidak dapat diberi angka di dalam Majlis ini. Saya hendak bertanya adakah kerana Ahli Dewan Negara daripada economist itu mesti diberi jawapan angka yang betul ataupun kerana Dewan Negara ini angka itu mesti diberi jawapan yang betul?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, bukannya oleh sebab Ahli Yang Berhormat yang bertanya tadi seorang economist maka tidak boleh diberi jawapan. Saya rasa satu-satu jawapan yang diberi di dalam Dewan ini merupakan satu fact. Oleh sebab soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Puan Rafidah merupakan jawapan yang menghendaki figures, saya terpaksa meminta notis terlebih dahulu.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mungkin ini juga Yang Berhormat Menteri akan minta notis tetapi saya ingin juga bertanya, sejauh manakah misalnya di dalam syarikat-syarikat lombong yang dimiliki oleh orang asing ini terdapat kawalan atau kuasa yang ketat oleh kerana interlocking directorates di antara mereka ataupun kuasa lembaga pengarah yang bersalingkait di antara mereka. Sejauh manakah ini berlaku?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Soalan ini menghendaki notis juga, Tuan Yang di-Pertua. (*Ketawa*). Bukan oleh sebab beliau economist.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tanah lombong dahulu kita tak tahu ada bijih di dalam laut tetapi sekarang ada bijih di dalam laut (offshore mining). Saya hendak bertanya bahawa Kerajaan ada kata sepakat di antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri berkenaan dengan lombong offshore mining ini dan adakah kata sepakat ini telah tercapai atau belum?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Saya rasa ada.

Datuk Syed Hassan Aidid: Saya hendak bertanya adakah dijadikan satu dasar diperuntukkan beberapa peratus pelombong ini kepada bumiputra?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada satu definite policy mengenai sekian percentage khas untuk bumiputra. Saya rasa kita patut berpandu kepada Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan perkara ini akan dibincangkan dalam satu jawatankuasa yang saya sebutkan tadi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam masalah perlombongan ini, adakah Kementerian ini telah mengadakan satu yunit kerana memberi peluang kepada bumiputra dalam perusahaan ini. Sekiranya ada, setakat mana kemajuan yang telah diperolehi selama ini?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, di Jabatan Perlombongan ada satu yunit menolong bumiputra mencari-gali untuk mengadakan reconnaissance survey kerana kita dapati dalam perusahaan lombong, soalan menyiasat ataupun membuat geological investigation itu merupakan satu perusahaan ataupun perkara yang menghendaki banyak perbelanjaan. Jabatan ini ada satu yunit, untuk menolong bumiputra menyiasat, adakah tidak bijih di satu-satu tempat itu.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Adakah Menteri yang bertanggungjawab itu tahu atau tidak bahawa ada setengah Negeri yang membekukan tanah lombongnya? Tidakkah difikirkan ini adalah merugikan satu-satu Negeri?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar di atas perkara ini.

BAHAGIAN PENGUATKUASA— TANGKAPAN YANG DIBUAT

3. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan semenjak ditubuhkan yunit penguatkuasa:

(i) berapa bilangan tangkapan yang telah dibuat;

- (ii) berapa bilangan kes yang telah di hadapkan ke Mahkamah;
- (iii) berapa bilangan kes yang didapati tidak bersalah; dan
- (iv) berapa bilangan kes yang didapati bersalah.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah:

- (i) Semenjak tertubuhnya Bahagian Penguatkuasa pada tahun 1972, bilangan tindakan (actions) yang telah diambil sehingga 31hb Disember, 1974 ialah sebanyak 703.
- (ii) Bilangan kes yang telah dihadapkan di mahkamah ialah sebanyak 656 kes.
- (iii) Bilangan kes yang didapati tidak bersalah ialah sebanyak 31 kes. 7 buah kes lagi tidak diambil tindakan lanjut.
- (iv) Bilangan kes yang didapati bersalah ialah sebanyak 483 dan baki sebanyak 142 masih menunggu pembicaraan dan juga yang ada di dalam penyiasatan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedar bahawa pegawai-pegawai yang menjalankan tangkapan ini adalah lemah dan kurang cekap ataupun peruntukan yang diberikan kepada mereka dari segi undang-undang adalah lemah. Maka dengan sebab ini banyak kes-kes yang ditangkap itu lepas begitu sahaja.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah mengikut pendapat masing-masing. Saya berpendapat satu-satu kes itu selepas tindakan diambil menyiasat bukanlah 100% sudah tentu berjaya di mahkamah, kerana mahkamah adalah sentiasa menganggap bahawa seseorang yang dituduh itu adalah tidak bersalah hingga disahkan (proved) dia bersalah. Kadang-kadang dalam penyiasatan itu tidak semesti kita dapat 100% bukti-bukti, kenyataan yang boleh menjamin bahawa kes itu akan berjaya di mahkamah. Ada masanya di kalangan orang yang mempunyai pengalaman yang banyak dalam perkara membawa kes ini tak berjaya oleh kerana ada kenyataan-kenyataan yang perlu di dalam kes itu tak dapat diperolehi. Saya berpendapat bahawa dalam perkara ini segala usaha dijalankan untuk mendapatkan

bukti-bukti (evidences), tinggal lagi dalam pada itu ada masanya kenyataan itu tidak dapat diperolehi, dengan kerana itu kes-kes yang dibawa itu telah tidak berjaya. Tetapi kalau kita memandang kepada bilangan kes yang dibawa dan bilangan yang tak berjaya itu, rasa saya bilangan yang berjaya itu adalah lebih banyak lagi daripada bilangan yang tak berjaya. Dalam pada itu saya akui bahawa kebanyakan daripada pegawai-pegawai yang menjalankan kerja-kerja penyiasatan ini adalah pegawai-pegawai yang tidak begitu mempunyai banyak pengalaman dalam kerja-kerja menjalankan penyiasatan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam perjalanan yunit penguatkuasa ini ada kalanya pergerakannya tidak dapat berjalan oleh kerana peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Kementerian tidak disokong oleh kuatkuasa undang-undang, dan misalnya hari ini telah mula pelaksanaan kadar pertukaran (conversion rate) untuk buku-buku yang diimpot yang mana tidak ada kuatkuasa undang-undang, jadi yunit penguatkuasa ini tidak dapat bergerak dengan baik. Apakah usaha untuk mengatasi masalah ini?

On the other hand, I think, there is a danger that we might be giving too much in subsidies. This is something which we will have to watch very carefully, since we are firmly committed to maintaining our financial stability and strength. We have to ensure that a balance has to be maintained between helping to alleviate hardship through the provision of subsidies and the need to ensure that we practise self-reliance and sacrifice during difficult times. In our concern and enthusiasm to alleviate hardship, we must be careful not to unwittingly bring about an attitude of *preference for subsidies*, as a substitute for self-help. This has happened in many countries, much to their detriment, and it should not be allowed to happen here. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua, the question of *poverty* is a fundamental and serious issue that has gained greater prominence recently because of recession and inflation. The Government recognises that this question deserves the highest priority and indeed it constitutes the first objective of the New Economic Policy, which is "eradicating poverty by raising income and increasing employment opportunities of all Malaysians, regardless of race". The Government has therefore publicly stated its commitment to give the highest priority to combat poverty, and there should no longer be any doubt whatsoever in this regard.

The question that could be asked however is—how successful has the Government been in increasing income levels? Now this is a very important and valid question, which we must all ask ourselves. It is not only the Government but the people as well, who have a stake in achieving the objective of increasing incomes and reducing poverty. Poverty, however, should not be defined purely in terms of money incomes. In the end, it is the *quality of life* and the well-being of the individual that is overriding and not mere money income. After all, real money income

can rise, while the quality of life and human welfare could in fact decline. Tuan Yang di-Pertua, my point simply is that we should not measure poverty purely in terms of money, just as it is meaningless to talk about economic growth rates without reference to income distribution. In short, I would like to point out, as the *Treasury Economic Report* has stressed, that even if the incomes of the lower 40% of the population did not grow in the 1960s, this need not imply that their general welfare had declined. This is because the Government over the years since independence, has invested massively in the rural and other low income areas, on a wide range of infrastructure, public utilities and other facilities. All this must have definitely improved the general welfare and quality of life in the low income areas, and for the lower income groups.

Tuan Yang di-Pertua, another point I wish to make is that the eradication of poverty is not a simple issue that can be achieved in a short time. It is a major and complex problem for which there are no easy solutions nor are there short-cuts. So let us not expect miracles to happen. Instead all of us, those in Government, in business, in universities and most of all our farmers, fishermen and workers, should apply ourselves to the task of reducing, if not eradicating, poverty.

Let me now briefly highlight some of the major areas of *Government's efforts to reduce poverty*. As Honourable Members are aware, one of the major causes of poverty is the low productivity and incomes from the traditional agricultural sector. The logic, therefore, is to raise productivity in the agricultural sector or remove agricultural workers to higher productivity areas such as manufacturing, or to do both. Our strategy has been to do both and that is why the agricultural sector now produces about 24% of the Gross Domestic Product as compared to 34% in 1961, while manufacturing constitutes about 17% of the Gross Domestic Product today as compared to only 8% in 1961. Similarly *rubber* which constituted 48% of our exports in 1961 made up only about 30% of our total exports in 1974. All these developments, Tuan Yang di-Pertua, did not happen by accident but by deliberate policies and programmes of the Government to *diversify the economy*, to make it less volatile to external influences and to raise incomes. The Government has also increased

the priority to reduce poverty in the last few years, as evidenced from the fact that the total public sector or Government development expenditure for the *Second Malaysia Plan* was revised upward to \$8.8 billion or 47% above the original Plan target of \$6 billion.

The allocation for *agriculture* and rural development was similarly increased by \$276 million, or 14.4% to \$2,197 million, mostly for financing the expanded areas of new land development by *FELDA* and to build new and improved drainage and irrigation facilities for the expansion of padi land under double cropping. The allocation for commerce and industry was raised to \$1,239 million, which is double the original Plan allocation. A major portion of this would go towards the funding of agencies charged with the responsibility of creating a viable Malay commercial and industrial community, through such agencies as *PERNAS*, *MARA*, *UDA* and the *S.E.D.C.s*.

To further improve the *transport and communications* network, which would help disperse industries to the less developed regions and which would also bring basic amenities to these areas, the allocation for transport and communications was raised by 33% to \$2,116 million. The allocation for *education* and training was also raised by 36.5% to \$733 million for the Plan period. All these efforts, Tuan Yang di-Pertua, would surely help to increase the incomes and certainly the quality of life of the bottom 40% of the population.

All this does not mean that we are satisfied with our achievements and are complacent about poverty and our future efforts to reduce poverty. Much has to be done and much more will be done. But we need the support of all in this mission to help the poor—for it is indeed a sacred mission that is necessary for the survival and well being not only of the poor, but really of all of us.

Tuan Yang di-Pertua, it is no use just being arm chair critics. All those who can contribute in ideas, effort or finance should come forward to support and improve upon the Government's plans and programmes. *Students* and intellectuals with their idealism, ideas and issues, can make a substantial contribution. Let us do and not just preach. Those of us who have had the privilege of a

good education owe it to society to be of greater social rather than self service. (*Tepuk*). Tuan Yang di-Pertua, it costs about \$4,400 per annum to educate each Arts student, \$4,500 per annum for each engineering student, \$10,200 per annum for each science student and about \$21,400 per annum for each medical student! Surely, this is an exclusive privilege paid for by society, for which society justifiably expects should be repaid. Society in fact has a right to expect much more from these privileged few. The least the students should do, therefore, is to dedicate themselves and to give the highest priority to their studies. They must justify the people's sacrifice and investment in their education. (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua, I would like to conclude this special Budget message of mine to remind our people that although our country will be facing hard times ahead, other countries far less fortunate than ours, will face much, much harder times and difficulties. We should give thanks to God Almighty for being more merciful to us in endowing us with a beautiful country, rich in natural resources and land so fertile that we need only work half as hard as in some other less fortunate countries, in order to have enough food to sustain ourselves and survive. Let us not throw away or waste this God given bounty. Let us make full use of them.

Tuan Yang di-Pertua, this Government is dedicated to the service of the people. Although it has received a massive mandate from the people to rule, it has not lost and never will lose its high sense of human values. It is a Government which is ever conscious of its heavy responsibility towards the people and towards the country. (*Tepuk*). It is a Government that welcomes and appreciates constructive criticisms. There are, however, a small minority of politically extreme groups and agitators who are bent on the destruction of the lawfully constituted Government through violence, in order to gain their own political ends. These perpetrators of violence must be identified and dealt with severely in accordance with the law. (*Tepuk*). Dissent and peaceful protest are a valued part of our nation's way of governing itself. Violence and disorder are the antithesis of the democratic processes and cannot be tolerated anywhere. These violent and subversive groups cannot

expect their own views, even if held deeply, to determine national policy. A small minority cannot impose its will by violence upon the majority.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya bercakap sebagai penutup, saya ingin menutup perutusan Belanjawan Istimewa saya ini dengan mengingatkan rakyat kita iaitu walau negara kita sedang menghadapi masa depan yang sukar, negara-negara yang kurang bertuah daripada kita, akan menghadapi masa yang lebih sukar dan lebih susah. Kita patutlah bersyukur kepada Allah Subhanahu wata'ala yang mengasihani kita dengan menganugerahkan kita negara yang cantik, kaya dengan punca-punca alam semula dan tanah yang subur di mana kita hanya bekerja tidak sekuat mereka di negara-negara yang kurang bertuah untuk mendapatkan makanan yang cukup dan memelihara diri untuk terus hidup. Janganlah kita sengaja membuang atau membazirkan rezki yang diberikan oleh Tuhan itu. Marilah kita menggunakan rahmat itu sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan kita ini adalah sentiasa berabdi untuk kesejahteraan rakyat. Walaupun Kerajaan telah mendapat mandat yang besar dari rakyat untuk memerintah, tetapi ianya tidak pernah dan tidak akan hilang perhitungan atas nilai-nilai perikemanusiaan. Kita ialah Kerajaan yang sangat-sangat sedar atas tanggungjawab yang berat kepada rakyat dan kepada negara. Kita adalah Kerajaan yang sanggup menerima dan menghargai kritik-kritik yang membina. Bagaimanapun, di antara rakyat kita ini terdapat segolongan kecil kumpulan politik yang ekstremis dan penghasut yang berniat menjatuhkan Kerajaan yang sah menerusi kekerasan untuk mencapai tujuan politik mereka.

Jaguh-jaguh pengacau ini mestilah dikenali dan tindakan keras diambil terhadap mereka sejajar dengan undang-undang (*Tepuk*). Menunjuk perasaan secara aman adalah sebahagian dari cara pemerintahan di negara kita ini. Kekasaran dan kekacauan adalah bertentangan dengan proses demokrasi dan tidak boleh dibiarkan di mana-mana pun. Kumpulan-kumpulan pengacau dan subversif tidak boleh mengharapkan pandangan mereka walaupun jika diambil secara mendalam, bagi menentukan dasar-dasar negara. Sekumpulan kecil ini tidak boleh memaksakan kehendak mereka dengan kekacauan ke atas kumpulan majoriti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan. (*Tepuk*).

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempoikkan selama 15 minit.

Persidangan ditempoikkan pada pukul 4.48 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya difahamkan bahawa seramai lebih kurang 35 orang Ahli Dewan Negara yang akan mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan. Oleh kerana masa untuk perbahasan ini singkat, saya merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sila ringkaskan ucapan masing-masing dan jangan melebihi daripada 13 hingga 15 minit. Dengan berbuat demikian, saya percaya dan berharap seberapa ramai Ahli-ahli boleh berpeluang bercakap atas Rang Undang-undang ini.

5.07 ptg.

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah mengucapkan terima kasih dan berdiri mengambil bahagian di dalam masaalah membincangkan Rang Undang-undang Perbekalan, 1975 yang baharu sahaja dibentangkan oleh Menteri Kewangan kita. Oleh kerana masa tidak mengizinkan saya bercakap panjang, saya terus bercakap pada matlamat-matlamat apa yang hendak saya nyatakan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya suka membangkitkan di dalam perbahasan ini ialah berhubung dengan Suruhanjaya Pilihanraya yang mana baharu-baharu ini saya telah berpeluang menyaksikan pembukaan undi pos yang mana undi-undi itu ialah daripada mereka yang mengundi secara pos. Apa yang saya rasa musykil dan yang patut diperbaiki oleh Suruhanjaya Pilihanraya ialah sarung sampul surat untuk mengembalikan kertas itu selepas diundi

oleh yang empunya undi itu patutlah di-bezakan warnanya. Untuk kertas undi Federal, sarungnya hendaklah digunakan satu warna, dan sarung undi yang ditentukan kepada calon State, hendaklah diwarnakan kepada satu warna lain. Saya berkata begitu, kerana pada hari saya memerhatikan pembukaan undi, secara pos ini maka didapati sebanyak 60% daripada undi-undi itu telah rosak, kerana salah masuk sarung-nya, iaitu undi Federal dimasukkan kepada sarung undi State dan sarung undi State dimasukkan kepada sarung undi Federal. Manakala dibuka peti undi Federal maka didapati undi State ada di dalamnya, maka dengan sendirinya undi itu dikira batal. Dengan perbuatan semacam ini, rasa saya adalah merugikan kepada pengundi-pengundi yang mengundi secara pos.

Perkara yang kedua, sukaiah saya memberitahu pada Suruhanjaya Pilihanraya bahawa satu kejadian yang telah berlaku di Seremban khasnya yang mana kertas undi yang diberi kepada pengundi itu ditulis Nombor Serial daripada buku Pendaftaran Pengundi. Ini saya yakin kerana kurang telitinya kerani-kerani yang bertugas di situ, disebabkan cuai barangkali mereka sudah tersilap, tertulis kepada kertas yang diberikan kepada pengundi untuk diundi, bukannya kepada parti yang patut tinggal kepada pegawai, sehingga di satu kawasan sebanyak 90 undi telah rosak kerana perbuatan itu. Jadi saya harap Suruhanjaya Pilihanraya berteliti mengambil pegawai-pegawainya atau memberi kursus khas supaya pengundi-pengundi tidak akan teraniaya semua undinya.

Perkara yang kedua yang saya hendak sebutkan ialah berkenaan dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bahagian Tata-tertib. Satu perkara telah berlaku di Seremban, iaitu seorang pegawai telah ditahan kerjanya di dalam Bahagian Tata-tertib sehingga tiga tahun tidak selesai, mereka ini dibayar setengah bulan gaji. Jadi saya rasa sehingga tiga tahun perkara ini tidak dapat diselesaikan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bahagian Tata-tertib, saya sangat berdukacita. Apa sebabnya perkara itu tidak dapat diselesaikan, barangkali pegawai yang ada di sini akan tahu, kalau sekiranya berkehendakkan saya menerangkan, bolehlah berhubung dengan saya. Saya akan memberi penerangan lebih jelas kerana mereka yang terkait telahpun berjumpa dengan saya juga Ketua Jabatannya. Jawapan dari Ketua

Jabatannya, dia telahpun merojokkan tiga surat kepada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ini, apakah tindakan, keputusan kepada pegawai yang berkaitan sehingga "La" ini kata orang Pulau Pinang, belum ada jawapannya.

Sekarang saya suka bercakap berkenaan dengan Hospital Seremban, yang mana hari ini telah mendukacitakan orang ramai, berkenaan dengan satu sistem baru yang dikenakan kepada hospital yang tersebut iaitu masa yang dibolehkan melawat orang sakit cuma dua orang sahaja yang dapat diberi pas untuk berjumpa dengan pesakit. Saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat melonggarkan sedikit samada menambahkan bilangan kebenaran pelawat yang datang berjumpa pesakit itu daripada dua kepada lima ataupun kepada empat orang. Dan juga satu lagi perkara yang menyedihkan ialah tidak membenarkan anak pesakit yang bawah umur 12 tahun datang melihat pesakit ini. Perkara ini diharap dapat diberi kajian, biarlah di bawah umur 6 tahun patutlah dilarang, tetapi umur 6 tahun patutlah diberi kebenaran berjumpa kepada ibu-bapa yang sakit. Saya tahu kalau seorang ibu atau bapa masa sakitnya dapat berjumpa dengan anaknya mungkin sakitnya lekas sembuh, ini saya fikir dari sudut saikoloji.

Satu lagi masalah lain yang saya hendak cakapkan boleh jadi berkait dengan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya tidak begitu teliti. Dengan adanya Kerajaan hari ini sedang berusaha untuk menambah barang-barang makanan, saya mencadangkan kepada pihak yang berkenaan supaya dapat mengecualikan cukai trektor yang hendak dijual kepada petani-petani yang tertentu, terutama sekali kepada penanam-penanam padi. Saya yakin dengan dapat dikecualikan cukai itu senanglah sedikit petani-petani kita dapat memiliki trektor.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh dalam bahagian tanah, rasa saya walau bagaimanapun perkara tanah ini seperti mana tiap-tiap kali dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, ini adalah urusan Kerajaan Negeri. Saya memang faham, tetapi saya minta jasa baik Yang Berhormat Menteri yang berkenaan kerana Kementerian ini juga pernah berunding dan memanggil Pengarah Tanah tiap-tiap negeri dan berunding dengan Yang

Berhormat Menteri berkenaan dengan tanah. Pengeluaran tanah rasa saya tiap-tiap negeri ini terlalu rumit sehingga 20 tahun sebidang tanah yang dikeluarkan lesen sementara tidak dikeluarkan gerannya atau tidak dikeluarkan surat hakmiliknya. Begitu juga dengan kampung-kampung baru. Kebanyakan kampung-kampung baru khasnya Kampung Baru Pantai saya suka menyatakan sehingga hari ini belum tetap kedudukannya. Surat sementara pun dikeluarkan, hakmilik yang sebenar tidak tahu bila hendak dilaksanakan. Saya harap Kementerian yang berkenaan kalau boleh berunding dengan Kerajaan Negeri dapat mengadakan satu badan khas seperti mana yang diserukan oleh Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri supaya Kerajaan Negeri iaitu menubuhkan satu badan khas untuk menyelesaikan masalah tanah ini. Kalau perkara tanah ini dapat diselesaikan tentulah boleh menyenangkan orang ramai.

Selain daripada itu saya hendak bercakap berhubung dengan kenderaan, iaitu perkhidmatan bas-bas yang mana dasar kita hari ini memberikan satu kompeni atau syarikat itu tertentu kepada satu-satu jalan, manakala kita telah tetapkan satu jalan itu kepada satu syarikat, maka syarikat lain tidak boleh mengambil penumpang. Apa yang menyedihkan, syarikat-syarikat yang ditentukan itu tidak dapat menyempurnakan bas-basnya untuk mengangkut penumpang. Bila kita hantar surat minta kepada Kementerian atau kepada R.I.M.V. Negeri, katanya perkara ini hendaklah orang ramai menyuarakan di atas khidmat bas ini tidak baik, barulah tindakan boleh dibuat.

Saya sebagai seorang Ahli di Dewan ini bagi pihak orang ramai saya menyampaikan rayuan kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengkaji semula dasar-dasar pembahagian, peruntukan bas-bas kepada syarikat-syarikat ini, terutama sekali kepada syarikat yang berhampiran dengan bandar, kerana perkhidmatannya tidak lagi memuaskan orang ramai.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya suka merayu, terutama sekali kepada Kementerian Pelajaran berkenaan dengan pemberian biasiswa-biasiswa kecil yang hari ini sedang berjalan dengan rancaknya iaitu borang-borang sedang diedarkan ke sekolah-sekolah dan Wakil-wakil Rakyat cukup sebok pada hari ini untuk menandatangani borang

yang tersebut. Apa yang saya hendak menyatakan ialah supaya pihak Kementerian tolong perhatikan anak-anak saudaranya di peringkat negeri yang akan membahagikan biasiswa ini benar-benar dapat kepada mereka yang benar-benar tidak mampu, kerana cara pengisian borang ini telahpun ada yang membuat penyelewengan. Misalnya, saya bergaji \$800 saya namakan anak-anak itu penjagaannya isteri saya, kemudian nama ibu: isteri saya; pendapatan \$50. Mereka itu datang meminta surat sokongan kepada Wakil-wakil Rakyat, Wakil Rakyat ini walau macam manapun terpaksa memberi sokongan. Malangnya orang itu dapat pula. Kalau pihak Kementerian berkehendakkan buktinya saya boleh tunjukkan.

Akhirnya, ada satu perkara lain yang saya hendak cakapkan, berkenaan dengan bank-bank yang ada pada hari ini hendak membantu bumiputra. Apabila Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar datang melawat mengatakan kalau hendak meminjam \$30,000 daripada bank tidak ada guarantee—oh! senang benar. Tetapi, baru-baru ini rakan saya telah menyediakan satu kertas kerja dan dihantar kepada Chartered Bank, Seremban, untuk meminjam \$30,000 kerana hendak membeli tractor yang berharga \$39,000. Tidak payah lagi kakitangan bank ini datang menyiasat, dapat jawapan mengatakan bank ini tidak memberikan pinjaman secara begini. Rakan saya ini tidak puas hati pergi pula merujuk permohonan kepada Malayan Banking. Tidak payah mengisi borang lagi katanya. “Tolong hantarkan kertas kerja bagaimana caranya tuan hendak meminjam \$30,000 ini.” Maka rakan saya ini menghantarkan kertas kerjanya. Lebih kurang sebulan datang jawapannya menyatakan “dukacita pihak bank ini tidak dapat memberi pinjaman secara begini.” Maka rasa saya patut pihak Kerajaan menolong benar-benar memerhatikan bank-bank ini. Saya ada mendengar suara sumbang bahawa bank-bank ini akan memberi bantuan di antara \$5,000 ke bawah kepada projek-projek yang tidak akan berjaya. Tujuannya supaya tuduhan dapat diberi kepada bumiputra iaitu pertolongan tidak boleh diberi kepada bumiputra, kerana mereka ini tidak benar-benar dapat menguntungkan projek yang tersebut. Saya harap perkara ini dapat diteliti supaya kita jangan selalu melaung-laungkan hal itu, kemudian

orang ramai berharap-harap tetapi apabila pergi meminjam, menanti seperti buah tidak jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja dan saya menyokong Bil ini.

5.25 *ptg.*

Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed:

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Perbekalan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan, di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Tun Haji Abdul Razak bin Datuk Hussein, Perdana Menteri Malaysia, atas kejayaan parti kita di dalam Pilihanraya yang telah berlansong baru-baru ini.

Saya juga mengambil peluang ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua rakan-rakan saya yang telah dilantik memegang berbagai-bagai tugas di dalam Kabinet kita yang baru. Saya berdoa, mudah-mudahan mereka akan berjaya di dalam menyelenggarakan tugas masing-masing.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada perkara yang paling merunsingkan rakyat jelata di seluruh negara kita pada masa ini, ialah soal keselamatan dalam negeri. Tiap-tiap pagi hari, bila kita bangun dari tidur, terbentang di dalam surat-suratkhabar, tersiar berbagai-bagai jenis jenayah yang telah berlaku, khasnya kes bunuh-membunuh yang sangat menjadi-jadi, kes merompak, mencuri, menyamun, merogol, didapati menjadi-jadi sangat sekarang ini, sehinggakan berpuluh-puluh kes membunuh, belum dapat disiasat dengan berjaya. Satu daripada kes tersebut ialah kematian seorang peniaga yang telah terjadi di tengah-tengah bandar Kuala Lumpur, dan satu lagi kes membunuh yang tidak boleh kita lupakan ialah pembunuhan bekas Ketua Polis Negara, Allah Yarham Tan Sri Abdul Rahman bin Hashim.

Tuan Yang di-Pertua, jika pegawai tertinggi polis di dalam negara kita ini dapat dibunuh dengan begitu senang, di waktu siang hari, di tengah-tengah ibu kota negeri kita, apakah jaminan terhadap orang-orang lain. Ini adalah pertanyaan semua rakyat

yang mana sangat merunsingkan hati mereka. Adakah keselamatan mereka terjamin? Adakah kedudukan mereka terselamat? Oleh sebab yang demikian perkara yang tersebut akan dapat diberikan perhatian yang lebih berat oleh Kementerian yang berkenaan, bukan saja tentang kes membunuh, tetapi juga tentang kes-kes lain seperti mencuri, menyamun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam menyelenggarakan tugas-tugas yang berat ini, jika sekiranya Pejabat Polis, tidak mempunyai cukup kakitangan dan pegawai-pegawai yang cekap ataupun tidak mempunyai kelengkapan yang cukup, maka Kerajaan patutlah berikhtiar untuk mencari jalan supaya kita dapat kakitangan dan pegawai yang cukup cekap. Selain daripada itu, patut juga diberikan gaji dan pendapatan yang padan dengan tanggungjawab mereka, daripada pegawai serendah-rendahnya hinggalah kepada pegawai-pegawai tinggi sekali. Tempat tinggal yang lebih baik mestilah juga diberikan untuk pegawai-pegawai polis daripada semua peringkat, dengan ini mereka akan dapat berkhidmat dengan lebih baik kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang untuk memberikan fikiran tentang kedudukan subversion di dalam negeri ini. Kita selalu membaca suratkhabar tentang kegiatan perisik luar negeri yang campur tangan, untuk menjatuhkan Kerajaan-kerajaan dan campur tangan dalam politik di dalam negeri kita ataupun dalam negeri-negeri lain. Kita tahu perisik-perisik itu datangnya dari berbagai-bagai negeri samada dari Barat atau Timor, samada perisik-perisik dari Russia, Amerika, Taiwan, China, dan lain-lain negeri lagi dengan tujuan untuk mengutip bahan-bahan bagi negeri masing-masing dan campur tangan dalam hal negeri kita. Kita harus berwaspada pada tiap-tiap masa tentang soal-soal perisik-perisik tadi. Kita harus sedar bahawa apa yang telah terjadi kepada Mussaddiq, bekas Perdana Menteri Iran dan apa yang telah terjadi kepada Allande di Chile semuanya itu boleh berlaku kepada negeri kita. Pada masa sekarang ini ajen-ajen komunis sedang mencuba dengan seberapa jalan untuk merosakkan ekonomi di negeri kita, dan satu daripada kerugian besar kepada negara ialah kerugian 63 buah jentera yang berharga lebih daripada \$25 juta di Leboh Raya, Grik, Perak, tidak berapa lama dahulu.

Di samping itu pula kita harus berwaspada bahawa sungguhpun kita dapati kominis duduk di dalam hutan, tetapi ada kemungkinan mereka akan cuba menjalakan "urban guerilla" ataupun gerakan gurila di dalam bandar-bandar untuk menyokong kegiatan mereka. Di dalam perkara ini saya harap Jabatan Polis Khas kita akan diberikan peruntukan yang cukup untuk memperkuatkan lagi gerakan mereka untuk berjaga-jaga supaya jangan perkara ini berlaku, ataupun kita tidak mahu seperti mana perkaaan di dalam bahasa Inggeris "we are caught napping".

KEMENTERIAN PELAJARAN

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang ini untuk menyokong sedikit sebanyak berkenaan dengan pelajaran. Di Malaysia kita mempunyai penduduk sebanyak lebih daripada 12 juta. Jumlah perbelanjaan biasa ataupun perbelanjaan sehari-hari, untuk pembangunan bagi tahun 1975 ialah diuntukkan dalam Estimate kita sebanyak \$7 juta. Jadi, dari jumlah penduduk dan jumlah perbelanjaan serta pembangunan yang saya telah sebutkan tadi, kita dapati bahawa Kerajaan Malaysia sedang membelanjakan sebanyak \$583.5 untuk perbelanjaan biasa dan pembangunan bagi tiap-tiap seorang rakyat Malaysia.

Jumlah murid-murid sekolah kita yang ada di dalam kelas Primary dan kelas Secondary ialah 2.4 juta orang. Ini tidak termasuk angka penuntut-penuntut yang sedang belajar di dalam Universiti-universiti dan Instituti Pengajian Tinggi yang bukan dikelolakan oleh Kementerian Pelajaran. Di sini menunjukkan bahawa penuntut-penuntut di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah ialah 20% daripada rakyat negeri kita ini, dan perbelanjaan purata average expenditure yang dibuat oleh Kerajaan atas mereka ialah \$369 bagi tiap-tiap seorang murid.

Jumlah penuntut-penuntut di University Malaya, University Kebangsaan, University Pertanian, University Sains, Pulau Pinang, Institute Teknologi Kebangsaan, Institute Teknologi MARA, dan Ungku Omar Politeknik ialah 23,487 orang. Ini menunjukkan bahawa jumlah penuntut-penuntut tadi ialah 0.19% daripada jumlah penduduk-penduduk di negeri Malaysia ini. Dan jumlah perbelanjaan untuk menyelenggarakan University-university dan Pusat Pengajian Tinggi yang

telah saya sebutkan tadi, termasuk perbelanjaan biasiswa-biasiswa dan perbelanjaan latihan-latihan kepada murid-murid pada tahun 1975 lebih daripada \$344 juta. Jadi dengan ini bererti, Kerajaan Malaysia sedang membelanjakan \$14,654 kepada tiap-tiap seorang penuntut yang sedang belajar di tempat-tempat Pusat Pengajian Tinggi yang telah saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, ini mesti difahami bukan saja oleh tiap-tiap penuntut tadi, bahkan hendaklah difahami oleh semua rakyat Malaysia. Memang tidak banyak negeri di dalam dunia ini yang membelanjakan begitu banyak wang untuk pembangunan pelajaran dan sebagainya kepada rakyat mereka kalau dibandingkan dengan perbelanjaan seorang penuntut yang sedang belajar di sekolah-sekolah rendah dan sekolah-sekolah menengah. Ini menunjukkan betapa banyaknya perbelanjaan yang sedang dibayar oleh masyarakat kita untuk memberi pelajaran kepada anak-anak kita di peringkat University ataupun Instituti Pengajian Tinggi supaya mereka dapat melengkapkan diri, dan sesudah itu mengambil tempat masing-masing untuk menolong rakyat jelata dan Kerajaan di dalam hasratnya untuk hendak menjadikan negeri ini tempat yang lebih makmur dan kedudukan yang lebih mulia.

Saya suka juga menerangkan di sini, bahawa kewangan mana-mana negeri sekali pun adalah terhad. Dengan adanya begitu banyak perbelanjaan yang saya sebutkan tadi iaitu \$344 juta pada tiap-tiap tahun yang makin bertambah, tetapi apa yang saya sebutkan ini ialah yang dijadikan sebagai investment atau penanaman modal untuk masyarakat kita bagi mereka yang sedang belajar di peringkat Universiti, dan Pusat Pengajian Tinggi. Saya suka mengulang-lahkan lagi bahawa ini adalah satu daripada investment yang besar dibuat oleh Kerajaan. Oleh sebab yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya kita mempunyai penuntut yang tidak berdisiplin, maka ini tentulah akan merugikan Kerajaan, masyarakat dan bangsa kita. Mereka mestilah sedar bahawa mereka mempunyai peranan yang sangat besar untuk mengurangkan kemiskinan di negeri ini, bila mereka telah lulus kelak akan dapat bertugas kepada negara. Oleh itu, saya cadangkan supaya satu badan yang tetap, dapat didirikan untuk mengadakan perhubungan di antara Kerajaan dengan badan penuntut.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam melaksanakan pembangunan pelajaran ini, maka Kerajaan terpaksa mengurangkan pelaksanaan di dalam projek-projek lain seperti pembinaan rumah-rumah murah, projek penempatan semula setinggian (squatter resettlement project), pembekalan lampun-lampu letrik di luar bandar, pembekalan air dan rancangan kesihatan, membina jalan-jalan di luar bandar dan semuanya ini untuk mencapai pembekalan makanan yang cukup dan mencepatkan penyertaan bumiputra di dalam perniagaan serta pembangunan infrastructure yang lebih baik untuk masyarakat. Oleh itu, pengorbanan bagi mengurangkan projek-projek yang tersebut kerana hendak melaksanakan pembangunan pelajaran, hendaklah difahami oleh tiap-tiap penuntut dan juga rakyat dalam negeri ini.

Kedua, saya suka mencadangkan supaya Sukatan Pelajaran Akademi patut dikaji semula untuk mendapat tahu samada perkara-perkara yang diajar itu akan menguntungkan masyarakat atau tidak, dan mengambil tindakan untuk mengajar tanggungjawab moral dan mengambil tahu dengan secara mendalam, apa tujuan kebangsaan kita dan juga harapan untuk mendirikan satu bangsa yang maju dan makmur.

Ketiga, di samping itu, kita juga patut membawakan academic staff supaya mengambil berat lagi tentang soal-soal penuntut daripada apa yang terdapat sekarang.

Keempat, kita juga harus mencari jalan untuk mengkaji polisi perbelanjaan kita tentang pelajaran di peringkat Universiti supaya kita dapat memberi peluang kepada lebih banyak lagi penuntut supaya dapat belajar di Universiti-universiti dengan tidak lebih perbelanjaan daripada sekarang ini.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN

Saya harap Kementerian ini akan dapat membuat satu Bilik Gerakan di mana satu "task force" dapat bekerja untuk membuat rancangan-rancangan tepat bagi membolehkan Kerajaan mencapai dasar ekonomi baru dan juga penyertaan bumiputra di dalam perniagaan untuk mencapai target 30% kekayaan negeri ini ke tangan bumiputra di dalam masa 15 tahun iaitu pada tahun 1990.

Tuan Yang di-Pertua, 15 tahun bukanlah lama dalam sejarah satu-satu negeri dan saya berdoa supaya hasrat dan hajat Kerajaan supaya dapat tercapai dengan jayanya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA DAN TENAGA

Saya berharap benar-benar bahawa Kementerian ini akan dapat mencapai rancangan-rancangan yang mereka buat terutama di Negeri Sabah, oleh sebab, Sabah banyak lagi jalan-jalan yang patut dibuat, tetapi telah dilambatkan oleh beberapa sebab. Kalau tidak ada jalan yang menghubungkan maka tentulah terputus peranan rakyat yang tinggal di tempat-tempat yang terpencil di dalam Negeri Sabah untuk menjalankan kegiatan mereka di dalam masyarakat dan sebagainya.

Saya harap Kementerian ini akan memberikan pandangan yang lebih berat di dalam perkara tersebut.

KEMENTERIAN KESIHATAN

Saya harap Kementerian yang berkenaan akan dapat memberikan pandangan yang sama kepada Negeri Sabah berkenaan dengan hal-hal kesihatan, kerana Negeri Sabah adalah negeri yang paling jauh dari Kuala Lumpur. Jadi, kadang-kadang, setengah-setengah Kementerian itu tidak nampak, kecualilah kalau kita besar-besarkan perkara itu. Klinik-klinik hendaklah didirikan dan juga hospital-hospital hendaklah dibina di tempat-tempat yang mustahak di mana kedapatan perhubungan rakyat sangat berjauhan.

KEMENTERIAN PENERANGAN

Saya rasa banyak rancangan yang baik yang boleh dibuat oleh Kementerian ini, terutama sekali dalam siaran talivisyen yang boleh memberikan pengajaran kepada rakyat. Jika kita bandingkan dengan rancangan talivisyen di England, di Germany, Jepun dan Amerika kita amatlah jauh kebelakang, pada hal kita boleh menyewa filem-filem rancangan daripada negeri-negeri lain untuk membolehkan rakyat kita mendapat pelajaran dari siaran-siaran tersebut. Kita tidaklah mesti mengambil rancangan daripada Amerika dan England saja, tetapi juga patutlah diambil dari Jepun dan Germany dan juga lain-lain negeri, dengan itu kita tidaklah tertumpu

kepada negeri-negeri yang bertutur bahasa Inggeris saja. Tetapi lebih baiklah diambil rancangan daripada negeri yang saya sebutkan tadi untuk memberi peluang kepada rakyat kita mempelajari tentang kedudukan negeri dan lain-lain daripada negeri-negeri yang saya sebutkan tadi.

KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN ALAM SEKITAR

Menurut Jawapan Bertulis yang diberi kepada saya baru-baru ini jumlah kerosakan dan kerugian, kebakaran pada tahun 1974 ialah sebanyak \$40 juta dan semakin meningkat pada tiap-tiap tahun. Apa yang saya dapat tahu bahawa Jabatan Bomba di Ibu Kota khasnya tidak mempunyai kelengkapan yang cukup yang mesti diselidiki dan dibetulkan oleh Kementerian yang tersebut. Sebab, apa yang saya tahu, waktu kejadian kebakaran di satu bangunan yang tinggi baru-baru ini, Jabatan Bomba tidak mempunyai satu tangga yang tinggi untuk pergi ke tingkat yang tinggi bagi menolong tentang soal kebakaran dan menyelamatkan jiwa. Jadi, bila kita sedang maju begini, Jabatan ini khasnya patut mempunyai kelengkapan yang banyak untuk menyelamatkan jiwa dan sebagainya.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, mengenai Kementerian Pertahanan. Saya suka hendak bertanya di sini, siapakah yang membuat polisi di Kementerian Pertahanan? Jika Ahli-ahli politik Barisan Nasional yang membuatnya biarlah mereka yang membuat statement seperti yang diterbitkan dalam suratkhbar *Malay Mail* pada petang ini (15-1-1974) iaitu tentang "six boats as fast as warships for the Royal Malaysian Navy". Banyak terdapat statement yang begini yang dikeluarkan oleh Chief of Naval Staff. Perkara yang begini, saya rasa patut dibuat oleh seorang Menteri atau Timbalan Menteri, bukan oleh Chief of Naval Staff. Saya harap pegawai itu patutlah biarkan perkara begitu dibuat oleh pihak Menteri ataupun Kementerian seelok-eloknya.

5.42

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bill ini untuk diluluskan dan suka saya memberi beberapa pandangan untuk diambil tindakan oleh Kerajaan.

Saya memberi setinggi-tinggi tahniah kepada Kementerian Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn kerana kali ini cukai-cukai tidak menyusahkan orang-orang kampung; cukai-cukai baru ini ialah untuk orang-orang kaya dan saya berharap begitulah pada tiap-tiap tahun. Kita tahu orang-orang kampung sangat susah pada masa ini, kebanyakannya makan sekali sehari sahaja, sebab harga getah sudah jatuh dan harga barang-barang sudah melambung tinggi. Saya juga sangat puashati atas Anggaran Hasil Persekutuan Malaysia bagi tahun 1975.

Sekarang saya menyentuh Kepala B. 8, Jabatan Perdana Menteri. Saya merayu kepada Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri supaya masa bekerja ditukar kepada 5 hari sahaja dalam satu minggu iaitu hari Isnin hingga hari Jumaat sahaja dan masanya pun ditukar dari pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang, mengikut apa yang dijalankan di England pada masa ini. Kalau kita buat 5 hari sahaja seminggu pada hari Sabtu dan Ahad pekerja-pekerja kita boleh berihat dan membawa anak-anak dan isterinya pergi berkelah ke Port Dickson, Templer Park atau balik ke kampungnya. Begitu juga mulai masa bekerja jam 9.00 pagi supaya membolehkan pekerja-pekerja kita menolong isterinya ke pasar membeli-belah, menghantar anak-anaknya ke sekolah dan yang datang dengan bas tidak terburu-buru menunggu bas. Saya harap Yang Amat Berhormat Tun Perdana Menteri yang kita kasihi akan menimbangkan pandangan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 17, Kementerian Pertanian dan Luar Bandar. Peruntukan ini saya fikir terlampau sedikit. Saya minta Kerajaan tambah lagi. Kita sekarang dalam zaman inflasi, kurang beras, kurang sayur-sayuran, kurang daging dan berbagai-bagai kekurangan. Ini adalah tanggungjawab Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar untuk mengadakan segala keperluan barang-barang makanan ini. Membuka tanah berkehendakkan mesin, berkehendakkan baja, berkehendakkan pekerja-pekerja terutama jika kita mahu membuka beratus ribu ekar tanah untuk sayur-sayuran, buah-buahan, padi, jagung dan sebagainya. Oleh itu, saya merayu kepada Kerajaan supaya peruntukan Kementerian Pertanian dan Luar Bandar ditambah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 22, Kementerian Pertahanan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kerajaan kerana akan membuat rumah-rumah untuk askar-askar kita. Ini patut sudah lama dibuatkan, kerana sekarang banyak askar-askar kita menyewa di rumah-rumah yang tak senonoh, saya berharap jangan pula lupa bekas-bekas askar yang sama nasibnya dengan askar-askar kita. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat nampak rumah-rumah buruk di Bandar Kuala Lumpur ini kebanyakannya rumah ahli-ahli saya, bekas perajurit. Saya sudah puas minta tanah, tetapi hingga hari ini tak berjaya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi saya suka menyampaikan kepada Menteri yang berkenaan, saudara saya Timbalan Menteri Pertahanan Datuk Haji Dzulkifli, iaitu di Kampung Batu ada 11 buah Rumah Pangsa Askar dekat Batu Garrison, malangnya jalan-raya ke tempat itu lebih kurang satu batu tidak ada, cuma jalan yang dibuat oleh taukeh lombong sahaja. Apabila tengah hari, penuh dengan habuk dari jalan itu, sebab jalan itu jalan pasir. Saya berasa kasihan melihatkan isteri-isteri askar itu apabila pergi ke Pekan Batu membeli sayur-sayur dan anak-anak mereka pergi ke sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, kepada Menteri Pertahanan juga saya suka memberitahu banyak pegawai-pegawai sekarang tak puas-hati, tentang gajinya berbeza-beza. Misalnya Leftenan Muda, sebelum Ogos tahun 1972, gaji Leftenan Muda bujang atau berkahwin \$720 sebulan, tetapi selepas bulan Ogos, 1972, gaji Leftenan Muda bujang atau berkahwin cuma \$500 sahaja sebulan, iaitu \$220 sebulan bezanya. Mengapakah begitu? Walhal kerjanya sama, tanggungjawabnya sama. Satu lagi misalnya gaji Leftenan \$600 sebulan dan gaji Kapten \$700 sebulan. Lebih pula gaji Leftenan Muda sebelum bulan Ogos, 1972 dari mereka. Saya merayu pada Menteri yang berkenaan supaya gaji pegawai-pegawai ini akan diminta semula pada Yang Berbahagia Tan Sri Sheikh Abdullah, Chairman P.S.C., supaya dibetulkan supaya mengelakkan tak puas hati di antara satu sama lain dan supaya pencennya pula jangan berbeza-beza. Pada masa ini, kalau ikut sekim lama Kapten boleh dapat pencen \$394 sebulan, tetapi mengikut sekim

baharu cuma dapat \$251 berbeza \$143 sebulan. Mengapakah begitu? Inilah pandangan saya.

Begitu juga berkenaan Ration Allowance. Dari tahun 1948 hingga hari ini masih mengikut sistem British lagi iaitu satu hari \$1.95 walhal anjing yang dibela oleh askar kita ration elaunnya \$4.80 sehari bermakna ration elaun anjing lebih daripada askar kita.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 32, Kementerian Kesihatan. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya segala hospital-hospital lama dan yang sudah lapuk di negara kita ini patut diganti dan dibuat baharu. Saya beri contoh, hospital di Bentong sudah lama dan buruk. Ini sudah patut diganti baru. Saya percaya banyak hospital-hospital di negara ini dibuat sejak zaman British dahulu dan sudah wajib dibuat baru semuanya.

Saya juga mengesyorkan kepada Kementerian ini iaitu oleh kerana memandangkan kita kekurangan doktor, mengapa suster-suster dan matron-matron kita yang telah berpuluh-puluh tahun bekerja daripada nurse lagi tidak diberi peluang supaya menjadi doktor, banyak daripada mereka telah mahir dalam segi penyakit dan juga dalam segi perubatan, sebab lamanya mereka bekerja, tetapi tak diberi peluang naik pangkat sehingga menjadi doktor. Inilah pandangan saya.

Akhirnya saya merayu supaya gaji-gaji atendan, derebar, dan juga nurse-nurse dinaikkan lagi. Gaji mereka terlampau kecil dan mereka bekerja pakai shift-duty siang dan malam dan apabila duty pada malam hari mereka tidak dibenarkan tidur khasnya nurse, kerana pesakit yang ada di ward itu bermacam-macam ragam, hendak itu dan ini. Jadi sudah patut gaji mereka itu dinaikkan.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 46, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat. Saya merayu tolonglah pinda Undang-undang Industrial dispute ini. Ada satu kes telah terjadi di kawasan saya iaitu di Selayang Baru, satu syarikat bernama South-East Asia Bricks Factory, pekerja-pekerjanya telah mogok selama 6 bulan berkenaan dengan pengiktirafan Kesatuan Sekerja dan juga lain-lain yang mereka pohon. Kes ini telah dibawa ke Mahkamah Perusahaan. Majikan telah kalah pekerja-pekerja telah menang, dijatuhkan hukuman supaya majikan mengambil

pekerja-pekerja itu balik dan dibayar gaji mereka selama mereka mogok 6 bulan mulai mereka diambil masuk bekerja pada 15-8-1974. Majikan tidak mahu menerima hukuman ini, oleh sebab dia kalah dan malu. Sekarang majikan bawa pula perkara ini ke Mahkamah Tinggi, melawan pekerja-pekerja yang miskin-miskin itu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan yang demikian, saya minta dipinda undang-undang itu, kalau hukuman sudah diputuskan oleh Mahkamah Perusahaan patutlah dipatuhi oleh majikan supaya jangan menyusahkan rakyat yang miskin. Kalau kita benarkan di "Appeal" oleh majikan, sampai bila pun perkara semacam ini tidak akan selesai. Tiap majikan-majikan yang kaya akan melakukan seperti ini. Jadi keamanah antara majikan dengan pekerja-pekerja sentiasa bermusuhan sebagaimana yang ada di negara kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kepala B. 49, Kementerian Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar. Semenjak 1-2-74 saya suka menyampaikan kepada Kerajaan bahawa telah timbul satu masalah kepada orang-orang Melayu yang duduk dalam Wilayah Persekutuan iaitu mulai dari tarikh itu, jikalau ada orang Melayu meninggal dunia (mati) di dalam kawasan Wilayah, tidak lagi dibenarkan meropot kematian itu kepada Balai Polis yang berhampiran, tetapi hendaklah direpotkan kepada Pegawai Kesihatan Wilayah Persekutuan. Sedangkan di Pejabat tersebut cuma ada satu sahaja pegawai yang menjaga hal ini. Jikalau berlaku 4 atau 5 kematian dalam satu hari, maka pegawai itu terpaksa pergi melawat ke tempat-tempat yang ada kematian itu. Ini memakan masa yang amat lama dan pada hari mayat itu meninggal dunia tidak dapat dikebumikan pada hari itu juga, terpaksa ditangguhkan hingga pemeriksaan dijalankan oleh pegawai itu. Saya merayu kepada Kementerian ini supaya buat macam biasa, di mana ada kematian, report balik kepada Balai Polis yang berhampiran supaya mayat itu dapat ditanam pada hari itu juga. Inilah masalah yang dihadapi oleh orang-orang Melayu di dalam Wilayah Persekutuan pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhir sekali saya masuk kepada Kepala B. 64, Kementerian Kerja Raya dan Pengangkutan. Saya telah memberitahu kepada Kementerian yang berkenaan, dan Kementerian telah berjanji

bahawa bulatan-bulatan yang ada sekarang akan dibuat lampu Hijau, Kuning, Merah untuk menyenangkan dan menghapuskan kereta-kereta dari berpusu-pusu di jalan yang mana memakan masa tak kurang setengah jam baharulah dapat lalu di bulatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk pula kepada pengeluaran lesen-lesen teksi dan lori-lori. Saya merayu kepada Kementerian ini agar mengeluarkan banyak lagi lesen-lesen teksi, sebab saya memandangkan teksi di negara kita masih kurang lagi. Pada masa sekarang rakyat lebih suka naik teksi daripada naik bas oleh sebab bas lambat sampai dan tempat duduk selalu tidak ada. Dalam bas terpaksa berdiri berpusu-pusu dan ada pula bermacam-macam bau dalam bas itu (*Ketawa*). Kalau dibanyakkan teksi akan menyenangkan rakyat hendak pergi ke sana sini, khasnya di Bandaraya Kuala Lumpur ini kerana teksi sangat sedikit. Begitu juga lesen-lesen lori, tolonglah keluaran banyak lagi, jangan kira kepada siapa. Siapa sanggup mencari nafkah dengan memandu lori atau teksi tolong keluaran lesen, biar satu masa nanti rakyat jemu dengan memohon lesen teksi dan jemu dengan memohon lesen lori. Kerajaan akan banyak dapat hasil dari bayaran lesen road tax dan rakyat berpuas hati kerana dapat mencari nafkah yang halal dan Kerajaan dapat nama yang baik.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan accident yang berlaku tiap-tiap hari samada kereta private, teksi dan lori. Saya minta ujian semasa mengambil lesen memandu hendaklah diketatkan. Siapa-siapa yang tak lulus undang-undang jangan diberi lesen, begitu juga orang-orang yang tak mahir dan cekap membawa kereta jangan diberi lesen. Saya dapati pemandu-pemandu lori banyak yang careless dan menggunakan attitude "tidak apa", kerana kalau melanggar pun lori itu cuma rosak sedikit, tetapi kereta-kereta lain itu hancur manakala pemandu dan penumpang-penumpangnyanya terus mati. Perkara semacam ini patutlah pemandu itu tidak diberi lesen lagi dari apa-apa jenis sekalipun hingga bila-bila masa, biar mereka jeran dan takut.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan saya berkenaan dengan Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

5.54 ptg.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana Belanjawannya yang menegaskan beban cukai ke atas mereka yang berupaya sahaja, dan juga saya ingin hendak menyampaikan rasa simpati saya kepada beliau, kerana saya rasa inilah pertama kalinya seorang Menteri Kewangan negara ini mengemukakan Belanjawan dalam suasana negara seperti yang ada sekarang, iaitu di mana pertamanya, wujud inflasi dan kemerosotan sekali serentak dan kedua, di mana jangkaan (Expectation) rakyat berbagai-bagai golongan sangat-sangat tinggi dan mesti dipenuhi apabila sampai masanya kelak.

Dalam pelaksanaan Belanjawan dan rancangan-rancangan yang telah dikemukakan di dalamnya, saya rasa kita akan mengalami berbagai masalah yang harus diawasi dengan teliti oleh Kerajaan.

Pertamanya, dalam melaksanakan projek-projek untuk memenuhi aspek guna tenaga ataupun sasaran guna tenaga dan untuk menggalakkan perkembangan ekonomi, saya rasa haruslah Kerajaan mengawasi supaya langkah-langkah anti-cyclical yang akan kita ambil itu tidak pula akan menolong menambah lagi inflasi, kerana memang kita tahu ada di antara langkah-langkah anti-cyclical ini yang dalam bentuknya sendiri berbentuk inflasi atau bersifat inflasi, iaitu mereka itu bercanggah antara satu dengan lain.

Kedua, masalah juga wujud seperti yang kita telah lihat di masa-masa yang lepas di mana Ahli-ahli dalam Dewan ini juga mengemukakan dari masa ke semasa wujudnya apa yang kita boleh panggil keliciran-keliciran dan juga penyelewengan-penyelewengan dalam bentuk pentadbiran dan dalam bentuk birokrasi apabila hendak melaksanakan projek-projek yang telah dirancangan. Saya rasa apabila wujudnya keliciran ini, baik dari pihak swasta ataupun dari pihak Kerajaan ataupun awam sendiri, maka ini akan menjadi halangan kepada tercapainya objektif-objektif rancangan-rancangan Kerajaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, dasar-dasar ataupun rancangan-rancangan mengenai cukai yang ada didapati di dalam Belanjawan 1975 ini

nampaknya telah beralih ketegasannya, iaitu Kerajaan telah mula sedar bahawa bukan cukai pendapatan sahaja ataupun cukai pendapatan daripada pekerja sahaja yang boleh mendatangkan hasil, banyak lagi sumber-sumber hasil yang boleh diperolehi, tetapi rasa saya bidang (scope) mendapatkan hasil ini belum lagi dieksploitasi dengan penuh oleh Kerajaan. Misalnya, saya rasa had minima ke atas cukai pendapatan lebihan atau untung lebihan sebanyak \$75,000 itu adalah sangat tinggi kerana timbul soalnya sekarang berapa kerat sahaja manusia di negeri ini yang berpendapatan \$7,000 dan lebih sebulan supaya dapat termasuk ke dalam golongan ini. Jadi saya syorkan supaya Kerajaan merendahkan lagi had minima untuk mengenakan excess income atau in Excess Profit Tax ini, misalnya kepada \$50,000. Dengan demikian, maka luaslah lagi asas (based) cukai di negara ini.

Kita dapati satu lagi bidang cukai yang belum dieksploitasi langsung ialah Capital Gains Tax. Saya rasa haruslah dan sampailah masanya sekarang Kerajaan menimbangkan untuk membuat cukai atau mengenakan cukai yang berbentuk Capital Gains Tax ataupun cukai atas keuntungan modal supaya ini dapat menghadkan untung-untung berlebihan. Dan bukan sahaja begitu, dapat Kerajaan menarik balik sebahagian daripada keuntungan, modal yang banyak untuk disalurkan sebagai hasil Kerajaan dan seterusnya disalurkan sebagai perbelanjaan pembangunan dan malangnya Capital Gains Tax ini belum lagi dijalankan.

Seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan tadi bahawa pendapatan, terutama pendapatan pengeluaran-pengeluaran di dalam bidang getah dan juga kelapa sawit yang merupakan keluaran utama negara ini adalah sangat turun-naik mengikut keadaan pasaran dunia dan beliau telah menegaskan bahawa apabila pendapatan tinggi tidak ada tabungan yang dibuat atau savings yang dibuat dan sebaliknya apabila pendapatan turun merosot dan rendah, maka berbagai-bagai kesulitan ataupun kesusahan telah berlaku.

Di sini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menimbangkan untuk menubuh satu kumpulan wang penyama (equalisation fund) bagi bahan-bahan keluaran utama, terutamanya bahan-bahan utama pertanian kita seperti getah dan kelapa sawit, iaitu

dalam equalisation fund ini supaya apabila harga-harga getah tinggi daripada satu tingkat yang ditentukan, misalnya berapa ringgit sekati satu kilo apabila harga melambung tinggi daripada itu, maka Kerajaan mula menarik balik sebahagian daripada pendapatan ini untuk disalurkan kepada tabung ini dan apabila pendapatan, misalnya pendapatan pengeluaran getah ataupun kelapa sawit turun pula di bawah satu tingkat yang rendah yang akan ditentukan, maka Kerajaan mula mengeluarkan semula wang yang telah dikutip dahulu untuk dibayar sebagai penyama pendapatan kepada pengeluaran-pengeluar getah. Ini bermakna kita tidak mengharapkan pengeluar getah kecil yang membuat pertabungan, tetapi Kerajaan menabungkan bagi pihak mereka dan saya rasa ini adalah lebih systematic dan lebih teratur. Dan dalam masa untuk mengeluarkan wang tadi sebagai equalisation Kerajaan boleh menabungkan atau memperlaburkan wang itu dan mendapat pendapatan daripada bunga atau faedah yang akan diperolehi.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh tentang dasar perindustrian kita, sungguhpun sekarang kita menghadapi zaman kemerosotan, tetapi adalah dijangkakan bahawa apabila ekonomi kita mula berkembang semula dan apabila negeri-negeri di luar juga mengalami keadaan yang lebih baik, maka dasar perindustrian kita akan lebih digalakkan dan akan lebih rancak lagi. Dalam masa-masa yang lepas dalam melaksanakan dasar perindustrian ini telah timbul beberapa masaalah-masaalah yang sehingga sekarang ini belum dapat diselesaikan. Maksud saya ialah masaalah-masaalah yang di luar daripada soal undang-undang ataupun teknikal. Misalnya, masaalah-masaalah keadaan kerja di kilang-kilang, masaalah penggunaan butir-butir modal samada modal ini sesuai dengan buruh atau tidak ataupun sesuai dengan keadaan negeri atau tidak. Ketiga, soal tentang sifat-sifat upah, keempat persoalan tentang kemudahan yang boleh diberikan kepada pekerja-pekerja kita di kilang-kilang. Dan kita dapati oleh kerana dalam masa yang telah lepas sikap atau attitude Kerajaan kita terhadap pihak swasta boleh dianggap sebagai liberal atau agak bebas dan tidak menyekat, maka banyak daripada masaalah-masaalah ini tidak diselesaikan sendiri oleh pihak swasta, kerana mereka katakan tanggungjawab itu semua terpujang kepada

Kerajaan. Maka di sini saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan mengadakan satu rancangan jangka masa panjang untuk perindustrian ini, iaitu saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan menubuhkan satu tabung khusus (special fund) kepada mana pihak swasta mencarumkan sebahagian peratus ataupun satu peratusan yang tertentu daripada untung kasar mereka dan Kerajaan Persekutuan juga mencarumkan sebahagian yang tertentu dan daripada mana wang yang dicarumkan oleh dua pihak tadi dikeluarkan atau dibelanjakan untuk mengadakan beberapa perkara.

Pertama, mengadakan kemudahan-kemudahan tempat tinggal (accommodation) bagi pekerja-pekerja. Tidaklah semestinya rumah batu yang bertingkat-tingkat dengan gymnasium, swimming pool tetapi kemudahan yang boleh menampung pekerja-pekerja, misalnya, pekerja shift malam ataupun pekerja-pekerja wanita yang datang dari jauh daripada tempat bekerja.

Kedua, wang tadi boleh digunakan untuk latihan yang mana sekarang ini kita tahu Kerajaan sahaja dibebankan dengan latihan. Jadi, jikalau swasta juga ada mencarumkan kepada kewangan ini, maka sebahagian boleh digunakan untuk latihan samada latihan di dalam kilang (in-plant) ataupun latihan di mana juga seperti yang dikehendaki oleh industri kita.

Ketiga, mengadakan kemudahan pengangkutan iaitu di mana common bus service atau common apa juga service atau pengangkutan boleh dijalankan di dalam satu tempat kilang tadi (industry site), dan juga yang penting sekali wang daripada tabung ini digunakan untuk usaha mencegah pencemaran alam. Pada masa ini tanggungjawab swasta di pihak ini sangat mengecewakan. Kecemaran alam tidak begitu ditegaskan maka sekarang kalau ada kumpulan wang maka ini boleh digunakan samada sebagai remedial ataupun mengubati ataupun sebagai prevention dalam pencemaran alam. Dalam perkara ini Kerajaan-kerajaan Negeri boleh diberikan tanggungjawab untuk menyediakan kawasan-kawasan tanah yang sesuai untuk mengadakan kemudahan seperti perumahan tadi. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Badan Berkuasa yang berkenaan diberi tanggungjawab menjadi penggenap (complement) kepada usaha ini, misalnya memberikan lesen untuk bas dan sebagainya.

Kita dapati kalau rancangan seperti itu dapat diadakan, maka suasana pekerjaan di dalam kilang-kilang dan sebagainya dapat diperbaiki, dan yang lebih penting lagi dapatlah kita membahagi dan menentukan apakah tanggungjawab Kerajaan, apakah tanggungjawab swasta di dalam rancangan perindustrian dan di dalam pengambilan pekerja-pekerja di negara ini yang kita tahu semuanya adalah belia-belia belaka.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa aspek-aspek Belanjawan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan terima kasih, terutamanya bagi pihak semua wanita-wanita yang bekerja di negara ini, kerana Kerajaan telah bermurah hati memberi pelepasan cukai yang berasingan untuk isteri-isteri yang bekerja. Saya rasa ini menunjukkan bahawa Kerajaan telah mula sedar bahawa penduduk wanita adalah kuasa yang besar di negeri ini, bukan sahaja kuasa ekonomi, tetapi juga kuasa politik. Kalau wanita tidak bekerja dalam pilihan-raya mungkin saudara-saudara kita yang duduk di Dewan Rakyat tidak ada di situ. Tetapi sungguhpun ada pengiktirafan (recognition) seperti yang telah diberikan dalam Budget ini, masih ada lagi kekurangannya, masih ada juga lagi yang terbiarnya kami pihak wanita. Misalnya, kita tahu bahawa Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations) telah mengiktirafkan bahawa tahun 1975 ialah tahun antarabangsa wanita (international women's year) tetapi setakat ini belum ada satupun suara daripada Kerajaan Malaysia secara rasmi mengiktiraf international women's year dan belum ada recognition, belum ada apapun yang menyebut tahun ini.

Jadi saya harap Kerajaan akan sentiasa meneliti dan mengikuti pergolakan-pergolakan antarabangsa, terutamanya di dalam aspek-aspek atau agensi-agensi Bangsa-bangsa Bersatu melibat dengan wanita, kerana kita tidak mahu kita ketinggalan zaman. Kalau Kerajaan ketinggalan zaman kerana tidak tahu apa orang lain buat, maka wanita di sini harus juga akan ketinggalan zaman dan ini adalah sangat menyedihkan kerana wanita adalah 50 peratus daripada penduduk negara ini.

Juga seterusnya saya ingin mendesak Kerajaan supaya membawa atau membentangkan di dalam session Parlimen yang akan datang

Law Reform (Marriage and Divorce) Bill iaitu Undang-undang Reformasi Nikah Cerai. Saya rasa sampailah masanya undang-undang ini dibawa ke Parlimen dan sungguhpun malangnya tidak kali ini, kali akan datang saya harap akan dibawa kerana supaya dapat kita tinggikan status wanita dalam bidang sosial di negara ini.

Akhirnya, bila saya menyentuh tentang sektor-sektor yang terbiar selain daripada wanita, ada satu sektor yang saya rasa sangat terbiar di negara ini, bahkan sektor ini potential atau bakat ekonominya bahkan bakat politiknya adalah sangat besar, iaitu saya maksudkan ialah gerakan kooperatif di negara ini. Kita dapati bahawa dalam rancangan-rancangan sekarang, terutama Rancangan Buku Hijau, Kerajaan menegaskan penggunaan punca-punca ke luaran tempatan, menegaskan supaya digunakan usaha dan tenaga tempatan, maka kita mestilah ketahui bahawa seperti di negara-negara yang lain kooperatif-kooperatif adalah merupakan satu alat kuat yang boleh digunakan dalam pembangunan negara. Kita dapati dalam masa-masa yang lepas sungguhpun ini boleh digunakan sebagai alat pembangunan dan sungguhpun potential atau bakatnya begitu besar Kerajaan telah membiarkannya. Maksud saya membiarkan ini ialah tidak memberi tegasan yang kuat dan kukuh kepada bidang gerakan kooperatif. Jadi sekarang sampailah masanya bagi Kerajaan memberi pengiktirafan yang sesuai kepada gerakan ini misalnya, menggunakan cara-cara (method) kooperatif di dalam melaksanakan pertanian di bawah Rancangan Buku Hijau, menjalankan pemasaran, menjalankan pembekalan input dan sebagainya dan juga menjalankan pengedaran bahan-bahan yang diperlukan. Misalnya, bahan-bahan pengguna untuk mengatasi atau mencegah daripada penyelewengan-penyelewengan pengedaran seperti yang saya telah kemukakan tadi kepada Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Dan juga diharap bahawa Kerajaan akan memberi sokongan yang penuhnya, bukanlah sokongan mulut sahaja kepada projek baru yang sekarang ini telah dapat pengesahan Kerajaan iaitu projek kooperatif sekolah-sekolah. Sekarang ini kanak-kanak di sekolah telah mula menyedari dan guru-gurunya telah mula menyedari bahawa konsep kooperatif ini boleh digunakan jika dapat panduan yang

sewajarnya daripada pihak-pihak pemimpin. Jadi, sekarang sampailah masanya Kerajaan cuba identify atau mengenali di manakah kooperatif-kooperatif ini boleh diberi peranan sebenarnya, dan saya harap dengan beberapa perkara-perkara yang telah saya kemukakan tadi faktor-faktor yang selama ini telah ketinggalan oleh zaman dan ketinggalan oleh Kerajaan akan dapat perhatian yang sewajarnya. Saya harap juga bahawa apa-apa penyelewengan atau kececeran-kececeran—bureaucratic dan juga administrative yang terdahulunya kerap kali bangkit tidak lagi wujud di dalam pelaksanaan projek-projek di bawah Belanjawan yang baru ini.

6.09 ptg.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya adalah menyokong Rang Undang-undang ini dan menyokong penuh juga di atas ucapan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi.

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tadi telah menyatakan iaitu Belanjawan tahun ini adalah melawan inflasi, iaitu melawan inflasi supaya inflasi ini tidak begitu naik supaya orang-orang di Malaysia ini tidak merasa bagaimana tekanan inflasi yang didapati di negeri-negeri lain. Saya percaya inilah tujuannya Belanjawan pada tahun ini dan belanjawan ini tidak begitu ketat. Oleh kerana jikalau diketatkan, juga dicengkam kepada industrialists atau kapitalis maka kapitalis-kapitalis ini akan lari daripada negeri kita. Saya fikir itulah sebabnya maka tidak dikenakan 80% cukai pendapatan atau cukai keuntungan kepada kilang-kilang dan sebagainya. Saya ingat ini adalah baik oleh kerana jikalau dikenakan terlampau teruk, saya percaya kapitalis ataupun modal daripada negeri asing tidak akan masuk ke dalam negeri kita dan ini adalah satu kerugian kepada negeri kita dan saya berfikir inilah tujuan Kerajaan untuk tidak menekankan bebanan cukai di dalam Belanjawan pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun masa yang dihadkan cuma 15 minit, itupun barangkali kalau Tuan Yang di-Pertua baik hati benarkan saya bercakap 20 minit. Kalau tidak barangkali 10 minit sahaja. Di sini jikalau diberi semua 10 minit macamlah orang hamil, tidak sampai 9 bulan 10 hari disuruhnya beranak, jadi terpaksa dia

melahirkan anak juga. Barangkali anaknya tidak begitu kuat. Sungguhpun begitu, saya hendak injek barangkali pil vitamin A, vitamin B di dalam ucapan saya ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah sebabnya pelabur daripada luar negeri hendak masuk ke dalam negeri ini? Sebabnya ialah kemakmuran yang didapati di negeri kita. Keamanan ada di dalam negeri kita. Negeri kita ini kaya-raya, maka pelabur-pelabur masuk ke dalam negeri kita, tetapi jikalau keamanan tidak dapat kita capai, seperti mana yang saya tegaskan hari itu membasmiakan kemiskinan, dan kalau pertahanan kita tidak kuat, kalau ada huru-hara dalam negeri, maka orang akan cabut lari daripada negeri kita. Bukan sahaja orang yang hendak bawa modal, orang yang ada di dalam negeri ini yang mengakui taat setia itupun akan cabut lari. Banyak kita telah tengok dahulu beberapa banyak yang cabut lari pergi ke Taiwan dan sebagainya. Begitu juga jikalau pertahanan kita tidak kuat. Di sini saya suka-lah mengingatkan bahawa oleh kerana kejadian-kejadian yang berlaku baharu-baharu ini di Gerik, dan di sempadan dan juga yang berlaku di Pahang dan walaupun saya tidak begitu tahu sangat dalam soal keamanan negeri kita ini, tetapi kita tahu bahawa pengganas komunis barangkali telah masuk ke dalam negeri kita ini, samada undergroundnya ataupun dengan angkatan senjatanya. Dengan sebab itu, pertahanan adalah penting di dalam negeri kita dan Belanjawan pada tahun ini, atau Belanjawan pada tahun yang akan datang untuk pertahanan ini mestilah dibanyakkan lagi, kerana baharu-baharu ini, saya dapati jeep yang membawa askar kita telah di mine. Saya percaya boleh jadi kerana kita tidak ada mine detector—kurang. Dengan sebab itu terpaksa kita membeli perkakas untuk mempertahankan diri kita dan pada tahun yang akan datang, saya harap lebih banyak lagi perkakas, senjata-senjata yang baharu untuk mempertahankan diri dapat diadakan supaya keamanan dapat dicapai dalam negeri kita ini.

Tadi Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah menekankan ke arah bidang pertanian berhubung dengan Buku Hijau oleh kerana Buku Merah telah berjaya, maka sekarang ditekankan dengan sepenuh minat kepada pertanian. Tadi saudara saya Yang Berhormat Tuan Ibrahim Haji Yaacob menyatakan iaitu nurse hendak dinaikkan

jadi doktor. (*Ketawa*) Saya tahu kalau nurse hendak dinaikan jadi doktor, barangkali kalau saya masuk ke hospital, saya takut kalau dibelah perut, habis perut saya dibelahnya dan tidak dapat dijahitkan dengan betul. Saya hendak menyokong dengan sepenuh-penuhnya di atas bidang pertanian tegasnya Buku Hijau. Rakyat tahu sekiranya Buku Hijau ini berjaya, kita akan dapat banyak sayur-sayuran daripada kampung-kampung dan kampung baharu dan banyak hutan-hutan akan dibuka, makanan akan bertimbun-timbun. Apabila sudah bertimbun-timbun, ini tanggungjawab yang penuh kepada Kerajaan ini bukan kerana saya menentang, saya suka, banyak makanan, harganya murah, lebih murah makanan adalah lebih baik, Untuk siapa? Untuk orang yang berduit, tetapi kepada orang kampung bagaimana? Jikalau sayur harganya satu sen sekati, 30 kati dikeluarkan baharu dapat 30 sen. Ini kelak akan menekan hidup orang kampung balik, kerana harga sayur sudah murah, keadaan hidup orang kampung merosot. Ini patut kita kaji betul-betul. Banyak sayur itu bagus, banyak makanan, kerana untuk mempertahankan inflasi dan sebagainya, tetapi jikalau sudah banyak nanti tidak terjual, maka dijual dengan harga satu sen sekati, maka orang kampung akan marah. Kerajaan hendaklah menetapkan harganya kelak barangkali ianya sudahpun dijalankan oleh Kerajaan sekarang untuk mengatur segala-galanya. Misalnya seperti getah. Harga getah kalau 30 sen sekati tidak boleh, hendaklah ditetapkan 50 sen sekati, baharu economical. Begitu juga kalau harga sayur sekurang-kurangnya sayur sawi harganya 25 sen sekati. Kalau tidak begitu tidak boleh dijual.

Saya mengatakan begini, oleh kerana saya baharu pergi ke Singapura melalui Johor. Saya berhenti di Ayer Hitam duduk sebentar dan makan di tepi jalan. Keluar dua orang China Malaysia mengandar sayur. Saya bertanya: Berapa satu kati dapat jual sayur ini. Katanya "10 sen sekati". Ini sayur kobis daun namanya. Katanya kalau di pasar harganya 30 sen sekati. Sekarang ini harganya 10 sen sekati, di pasar harganya 30 sen sekati. Bagaimana tekanan orang tengah? Kalau misalnya 5 sen untung tidak mengapa, 10 sen untung tidak mengapa, dapat juga dia 20 sen sekati, tetapi mereka jual dengan harga 10 sen sekati. Jikalau Buku Hijau ini lebih banyak kejayaannya nanti, lebih banyak

sayur sawi, dan bermacam-macam sayur, saya ingat harga sayur nanti akan lebih murah lagi. Ini bukan saya membangkang—tidak. Saya katakan criticism yang membina. Nanti ada Menteri marah. Katanya Raja Nong Chik sudah menentang; tidak. Saya tidak menentang, tetapi ingat-mengingat sebelum kejadian ini berlaku. Sebab saya sudah ada experience di sini. Saya suruh orang menanam, semua orang menanam; ditanamnya tomato, berguni-guni tomato keluar, dijualnya dua sen sekati. Orang itu balakan saya. Apa sebabnya disuruh kemudian apa sebabnya tidak dapat dijual. Oleh kerana ini adalah Kerajaan kita dan saya rasa patut kita mengeluarkan buah fikiran kita di atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan buruh. Buruh bukan hendakkan gaji yang mahal. Mereka macam kita juga. Buruh hendakkan keadilan tentang pembayaran gaji. Bukan hendak melampau, kerana kalau dia melampau, faktori itu akan tutup, nanti mereka tidak dapat makan. Mereka tahu dan faham tentang perkara ini. Tetapi disebabkan inflasi, stagflasi, maka gaji itu biarlah betul empat ringgit sehari jadilah. Ada kilang cuma bayar \$2.70 sen sehari. Misalnya, Kilang MARA di Kajang, padahal MARA dikatakan hendak meninggikan taraf hidup bumiputra, kalau apprentice dibayar \$1.70 selepas enam bulan dibayar \$2 dan seterusnya dibayar \$2.70. Mereka mendapat keuntungan \$3.5 juta pada tahun 1973 yang lalu, kalau tidak silap saya, maklumlah saya ini bukan Nabi. Kalau diberi gaji \$2.70 tidak cukup, sebab orang-orang ini semuanya datang dari jauh, tambang bas dan makan barangkali \$2 sehari. Bagaimana pula pakaiannya dan bayaran sewa rumah, maka mereka tentu berhutang pula. Ini semua oleh kerana MARA berkongsi dengan Jepun dengan orang Hong Kong. Orang-orang ini semuanya hendakkan keuntungan. Jadi, inilah yang menyebabkan gaji pekerjanya rendah iaitu \$2.70. Akan tetapi, ada kilang-kilang luar yang didirikan di sini yang memberi gaji lebih elok lagi jika dibandingkan dengan kilang-kilang yang dipunyai oleh orang-orang Malaysia sendiri.

Kerajaan ada menyeru supaya orang-orang Malaysia mesti bekerjasama untuk meninggikan taraf hidup dan sebagainya, sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri

tadi. Tetapi sebaliknya, orang-orang Malaysia yang kononnya taat setia kepada negeri ini, mereka juga menekan orang-orang negeri ini sendiri. Kerajaan juga telah mengarahkan supaya diberi tambahan \$30 kepada pekerja-pekerja yang berpendapatan kurang daripada \$150 sebulan, sebagaimana yang dibuat oleh Kerajaan memberi tambahan elaun \$30 pada tiap-tiap bulan pada Pegawai-pegawai Rendah Kerajaan kerana inflasi. Kilang-kilang juga diminta memberi tambahan, kalau tidak dapat beri \$30 sekurang-kurangnya \$25. Berapa banyak kilang-kilang yang dipunyai oleh Warganegara negeri ini menurut perintah Kerajaan. Kalau orang-orang ini hendak menghisap darah orang-orang miskin akibatnya akan kita tengok. Orang-orang ini lebih dahsyat daripada orang-orang yang datang daripada luar negeri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa sudah dekat, barangkali esok saya akan diberi peluang bercakap (*Ketawa*).

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat hendaklah tamatkan ucapan pada pukul 6.30 petang sebelum kita tangguhkan mesyuarat. Yang Berhormat sudah berucap lebih 15 minit.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Berkenaan dengan cukai perjudian mesti ditambah sebab ada orang miskin yang selalu main judi yang kebanyakannya hendak lekas kaya. Taukeh-taukeh judi ini memang untung dan tidak ada yang bankrupt. Misalnya, di Genting Highlands didapati semakin banyak hotel-hotel didirikan, jalan dibuat sampai ke atas bukit. Berapa banyak harga buat jalan itu dia tidak peduli, sebab hendak buat gudang judi di sana. Tuan Yang di-Pertua, Empat Nombor Ekor sudah untung cukup banyak. Walaupun dia ada beri banyak donation, tetapi tidak cukup. Cukai judi ini hendaklah ditambah dengan banyak lagi, kerana mereka berjudi dan pendapatan kita pun banyak.

Selain daripada itu, berkenaan dengan bumiputra mengambil bahagian dalam perniagaan. Saya telah bercakap dahulu tentang bank yang hendak memberi pinjaman kepada bumiputra. Saudara saya daripada Seremban tadi juga mengatakan bagaimana bumiputra yang hendak meminjam wang dari bank tidak dapat dengan memberi beberapa

alasan-alasan seperti Overseas Chinese Bank, Overseas Indian Bank. Saya rasa nama "overseas" ini sudah tidak patut digunakan lagi, sebab negara kita sudah merdeka, sama ada mereka menjadi rakyat Malaysia atau tidak tidak sepatutnya menggunakan perkataan "overseas" ini lagi. Misalnya, nama Overseas Indian Bank patut tidak ada lagi, sebab dia sudah menjadi warganegara Malaysia. Begitu juga dengan Overseas Chinese Bank patut tidak ada lagi, sebab dia sudah menjadi warganegara Malaysia. Kalau mereka tidak taat setia dan tidak hendak meminjamkan wang kepada kumpulan C.G.C. dengan memberi alasan yang karut, maka Kerajaan terpaksa mengambil perhatian betul-betul atas perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sampai pukul 6.30 petang (*Ketawa*). Saya telah bercakap berkenaan dengan gula tadi, tetapi tidak panjang dapat didengar oleh Menteri itu. Gula dibenarkan masuk ke negeri ini tanpa dikenakan cukai, sebab kita hendak harga gula murah kerana kekurangan gula dalam negeri. Ada yang memuji Kerajaan, Kerajaan Barisan Nasional bagus, sebab gula masuk ke negeri ini 40 hingga 60 juta tan tidak dikenakan cukai. Tetapi jangan ada manusia-manusia menggunakan peluang ini untuk re-export gula itu. Sungguhpun ada satu dua syarikat-syarikat yang telah mendapat permit untuk eksport. Jadi saya hendak bertanya exporter of sugar itu iaitu negara ini sudah banyakkah tebu dan kilang tebu? Apakah sebabnya pula dibenarkan syarikat ini awal-awal lagi eksport gula. Adakah sudah banyak benar gula di dalam negeri kita ini? Saya fikir tidak patut diberi permits. Kalau kita banyak beras bolehlah kita eksport beras. Kalau kita banyak sayur boleh kita eksport sayur. Sebagaimana kita eksport nenas, sebab nenas kita banyak, sepatutnya dieksport. Ini gula tidak ada. Negri Sembilan hendak menanam tebu, berkongsi dengan India (*Ketawa*) itu pun belum diketahui bila dapat mengeluarkan hasilnya. Di Kedah dan Perlis sekarang sudahpun menanam tebu untuk dijadikan gula. Saya mendapat tahu ada muslihat orang-orang yang joint venture

dengan State Government hendak mengeluarkan brown sugar yang terpaksa refine pula di Prai. Jadi dapatlah keuntungan pihak yang joint venture itu dan bukannya State Government, sebab mereka ada kilang di Prai. Jadi bukan begitu yang dikehendaki sebab gula kita belum cukup lagi, mengapa hendak diekspot? Inilah yang saya hairan mengapa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian memberi permit kepada orang itu. Kalau

tidak betul, tidak mengapa. Kalau betul, apa sebabnya? Kalau tidak betul, alhamdulillah, syukur kepada Allah.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 16hb Januari, 1975.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.